

*BABA*

*KEDUA*

## BAB KEDUA

### PRODUK-PRODUK PEMBIAYAAN PERDAGANGAN ISLAM DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB) DAN DI BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)

#### 2.1 PENDAHULUAN

#### 2.2 SEJARAH PENUBUHAN BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)

Sistem perbankan Islam (SPI) adalah satu sistem perbankan yang prinsip perjalanan dan amalannya berlandaskan hukum syariah Islam.<sup>1</sup> Mengikut Najjar pula, SPI merupakan institusi kewangan yang mengumpul dana dan menjalankan operasinya dalam lingkungan syariah Islam bertujuan membina kesatuan masyarakat bagi merealisasikan keadilan pengagihan serta menggunakan dana-dana mengikut landasan Islam.<sup>2</sup> Terdapat juga takrifan menyatakan bahawa sistem perbankan Islam merupakan suatu institusi bank perdagangan yang mengamalkan prinsip-prinsip urusan bank mengikut syariah dalam semua aspek, fungsi dan operasinya.<sup>3</sup>

25hb. Jun 1963, merupakan tarikh penubuhan sistem perbankan Islam pertama di zaman moden ini yang terletak di Mit Ghamr,<sup>4</sup> diasaskan oleh Dr.

<sup>1</sup> Sudin Haron (1992), *op.cit.*, h. 2.

<sup>2</sup> Abd. Mu'min Abd. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam Dan Pelaksanaannya Di Malaysia*, Kuala Lumpur: JAKIM, h. 255.

<sup>3</sup> Abd. Halim (1999), *Konsep Dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*, Kuala Lumpur: Penerbitan USM, h. 69.

<sup>4</sup> Mit Ghamr merupakan sebuah bandar yang terletak kira-kira 40km di utara bandar Qahirah, Mesir. Objektif utama penubuhan bank ini ialah untuk mendidik penduduknya menggunakan sumber yang mereka perolehi dengan sebaik-baiknya tanpa bergantung kepada sistem perbankan konvensional (yang menggunakan sistem riba). Pada peringkat awal penubuhan bank ini mendapat sambutan yang di luar jangkaan dari penduduk setempat, akan tetapi pada tahun 1967, bank ini di arahkan tutup oleh kerajaan Mesir atas sebab politik.

Ahmad al-Najjar. Kebangkitan semangat umat Islam untuk mengadakan sistem perbankan Islam di negara masing masing telah menular dengan begitu pantas. Ini dapat dibuktikan dengan penubuhan Islamic Development Bank di Arab Saudi (1975), Dubai Islamic Bank (1975), Faisal Bank Of Sudan (1977), Islamic Banking System International Holdings di Luxemburg (1978) dan lain lain lagi.

Kebangkitan masyarakat di Malaysia untuk mengadakan sistem kewangan Islam yang pertama di negara sendiri juga telah melonjak dengan berkobar-kobar. Pada tahun 1969, lahirlah institusi kewangan Islam yang pertama dalam sistem kewangan Islam Malaysia ialah penubuhan Lembaga Urusan dan Tabung Hajji (LUTH).<sup>5</sup> Ini bertujuan untuk menggerakkan dan melaburkan dana-dana orang Melayu di Malaysia selaras dengan prinsip-prinsip syariah.<sup>6</sup> LUTH juga bertindak sebagai tempat orang-orang Islam menyimpan wang mereka secara beransur-ansur bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan ibadah fardhu haji<sup>7</sup> ke Mekah.

---

Pada waktu penutupannya, dana yang terkumpul di dalam bank tersebut melebihi 1,828,375.00 Pound Mesir daripada 40,944.00 Pound Mesir pada tahun pertama bermula operasinya (1963/64). Pendeposit juga telah bertambah dengan begitu pesat daripada 17,560 penyimpan pada awal tahun pertama penubuhannya kepada 251,152 pada akhir tahun kewangan 1966/67. Sila Rujuk. Joni Tamkin Borhan (2000), Budaya Muamalah Setempat Sebagai Asas Pertimbangan Produk-Produk Muamalah Dalam Amalan Perbankan Islam" (Seminar Hukum Islam Semasa 3 Peringkat Kebangsaan 2000 Di Universiti Malaya, 7-8 November 2000), h. 10.

<sup>5</sup> Terdapat sesetengah pandangan yang mengatakan bahawa LUTH di Malaysia merupakan institusi kewangan Islam yang pertama di dunia dan contoh terbaik bagaimana satu institusi kewangan yang khusus seperti ini dapat beroperasi dengan jayanya mengikut lunas-lunas Islam. Rujuk. Ausaf Ahmad (1995), *The Evolution of Islamic Banking*" dalam *Encyclopediea Of Islamic Banking and Insurance*, England: London, (t.t.p), h. 23.

<sup>6</sup> Joni Tamkin Borhan(1999), " Bank Islam Malaysia Berhad: Some Issues, Problems And Its Prospects In The Future", Jurnal Syariah, j. 7, Bil. 2, July 99, h.h 114 &115.

<sup>7</sup> Masyarakat Islam di Malaysia biasanya menyimpan wang simpanan mereka di rumah untuk melaksanakan rukun Islam ke-5 iaitu menunaikan ibadah Haji di Mekah. Setelah tertubuhnya LUTH 1963 maka urusan penyimpanan umat Islam di Malaysia menjadi lebih cekap. Lihat Muhammad Salleh b. Haji Awang (MISBAHA) (1986), 'Haji di Malaysia: Sejarah dan Perkembangannya Sejak Tahun 1300-1400', Terengganu, h. 225.

Sistem perbankan Islam yang pertama ditubuhkan di Malaysia dikenali dengan nama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). BIMB merupakan sebuah institusi perbankan Islam yang pertama ditubuhkan di Asia Tenggara.<sup>8</sup> BIMB merupakan sebuah syarikat yang telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965. Pada peringkat awal penubuhan BIMB, ia dipantau sepenuhnya oleh Bank Negara Malaysia sebagai bank perdagangan Islam di bawah Akta Bank Islam (pindaan) 1983 dengan modal berbayar sebanyak RM 500 juta. BIMB memulakan operasi perniagaannya pada 1 Julai 1983.<sup>9</sup> Cawangan BIMB yang pertama terletak di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. Di samping itu juga, BIMB mempunyai anak-anak syarikat yang menjalankan operasi berlandaskan syariah<sup>10</sup> seperti Syarikat al-Ijarah Sdn. Bhd.<sup>11</sup>, Syarikat al- Wakalah Nominies Sdn. Bhd.<sup>12</sup>, Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd.<sup>13</sup>, Syarikat BIMB Securities (Holdings) Sdn. Bhd.<sup>14</sup> dan Syarikat Unit Trust Management Berhad.<sup>15</sup> Sebagai sebuah Bank Perdagangan, BIMB telah disenaraikan di papan utama bursa saham Kuala Lumpur (BSKL) pada 17 Januari 1992.

### 2.2.1 PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN DI BIMB

Kewujudan bank Islam sebagai bank perintis kepada sistem perbankan Islam di Malaysia telah dapat merealisasikan prinsip-prinsip syariah dalam produk-produk yang ditawarkan di BIMB. Pada tahun 1983 sehingga tahun 1992

<sup>8</sup> Mustapa Mohammed (1995), *op.cit.*,h. 41.

<sup>9</sup> Profil BIMB, [http://www.bankislam.com.my/kenali\\_profil.htm](http://www.bankislam.com.my/kenali_profil.htm), 18 Februari 2003.

<sup>10</sup> *Ibid.*,h.h. 18,20,27

<sup>11</sup> Sebuah anak syarikat BIMB yang menjalankan kegiatan utamanya sebagai pemajakan harta tetap.

<sup>12</sup> Anak syarikat BIMB yang menawarkan perkhidmatan nomini.

<sup>13</sup> Anak syarikat BIMB yang menawarkan perkidmatan perlindungan insuran am dan keluarga.

<sup>14</sup> Syarikat broker saham yang berlandaskan prinsip-prinsip syara'

<sup>15</sup> Merupakan pengurus Amanah Saham Bank Islam atau lebih dikenali dengan ASBI.

merupakan percubaan yang diberikan kepada bank Islam agar berkembang dengan pesat tanpa persaingan dari mana-mana bank perdagangan yang lain. Kerajaan telah memberi tempoh 10 tahun kepada BIMB agar berkembang tanpa saingan yang dapat menjasaskan perumbuhannya serta memberi peluang kepada BIMB untuk mencipta sebanyak mungkin produk perbankan Islam.<sup>16</sup> BIMB mempunyai rangkaian operasinya yang tersendiri dan boleh diketogerikan kepada tiga aspek yang terpenting, iaitu :

- 1) Sumber dana (deposit)
- 2) Pembiayaan
- 3) Lain-lain perkhidmatan

#### **2.2.1.1 Sumber Dana (Deposit)**

Di dalam membincangkan hal yang berkait dengan sumber dana (deposit), penulis ingin menyenaraikan beberapa operasi yang dilakukan oleh bank Islam untuk memperolehi sumber dana yang halal di sisi syara'. Deposit boleh didapati daripada perseorangan, agensi-agensi kerajaan, agensi-agensi bukan kerajaan (NGO), syarikat-syarikat dan lain lain lagi. Secara amnya sumber dana di BIMB boleh dipecahkan kepada tiga bentuk yang utama iaitu; akaun simpanan, akaun semasa dan akaun pelaburan. Kesemua produk simpanan di BIMB mengikut prinsip syariah *al-wad'ah yad qamānah*.<sup>17</sup> Sumber dana (deposit) di BIMB boleh dibahagikan kepada :

<sup>16</sup> Rustam Mohd Idris (2001), 'Seminar Perbankan dan Kewangan Islam Dalam Era Globalisasi: Perkembangan dan Kemajuan Dalam Perbankan dan Kewangan Islam', Modul (1), ResourceCenter College of Islamic Banking & Finance (KPKI), h. 2.

<sup>17</sup> Imām Shāfi'i dan Imām Mālikī mentakrifkan *al Wad'ah* sebagai perjanjian di antara pemilik barang dan pemegang amanah bertujuan untuk di simpan dan di jaga keselamatannya, sebagaimana firman Allah dalam *al-Furqān* : ان اذ يأمركم ان تودعوا الامانة الـ... bermaksud:

- a) Akaun Semasa, akaun semasa ini mengamalkan prinsip syariah *al-wakālah* yang terbahagi kepada beberapa jenis iaitu akaun peribadi, akaun semasa bagi dan juga akaun individu bersama.<sup>18</sup>
- b) Akaun Pelaburan, ia berdasarkan prinsip syariah *al-mudārabah*. Pelanggan sebagai pemodal manakala bank pula sebagai pengusaha pelaburan. Terdapat pelbagai jenis akaun pelaburan di BIMB antaranya, akaun peribadi, akaun amanah bagi, akaun individu bersama, akaun perkongsian akaun syarikat perkongsian dan akaun syarikat.<sup>19</sup> Margin keuntungan pula akan dikongsikan bersama mengikut nisbah yang telah dipersetujui bersama.<sup>20</sup>
- c) Akaun Simpanan Al-Ijra'. Merupakan tabungan akaun simpanan di kalangan remaja sekolah menengah. Nisbah keuntungan akan perkongsian 50:50 akan dikreditkan ke dalam akaun pelanggan. Pelanggan juga akan diberikan perlindungan insuran takaful berkeluarga berkelompok secara percuma.<sup>21</sup>
- d) Akaun Simpanan Pewani. Akaun ini terbuka kepada wanita yang berumur 18 tahun ke atas. Akaun ini menjamin keuntungan yang tinggi kepada pelanggan dengan menggunakan prinsip *al-mudārabah*. Pendeposit akan mendapat keuntungan 60:40. Keuntungan 60 untuk pendeposit dan 40 untuk bank. Pendeposit juga layak menerima perlindungan takaful HAWA.<sup>22</sup>

---

<sup>18</sup> “Sesungguhnya Allah menyuruhmu supaya kamu menuaikan amanah kepada pemiliknya...” Sūrah al-Nisā’ (5):58. Kalimah ‘*Yad Damānah*’ di atas bermaksud pemegang amanah mendapat keizinan daripada pemilik barang untuk digunakan. Rujuk. Dr. Sabri Salman (1998), ‘*Perniagaan Menurut Pandangan Islam*’, Kuala Lumpur: al-Rahmaniah, c. 1, h. 74.

<sup>19</sup> Brosur BIMB, ‘Kemudahan Akaun Simpanan’, Kuala Lumpur, BIMB .

<sup>20</sup> Kadar nisbah keuntungan di BIMB bincangnya 70% buat pelabur dan 30% buat Bank.Rujuk Brosur BIMB, Akaun Pelaburan BIMB, Kuala Lumpur, BIMB.

<sup>21</sup> BIMB Holding. *Annual Report 1999*, h. 6.

<sup>22</sup> Brosur BIMB, Akaun Simpanan Ijra’, Kuala Lumpur, BIMB.

<sup>22</sup> Pendeposit juga layak menerima khairat kematian, bayaran wad pesakit, ujian kanser tahunan dan pelbagai lagi kemudahan yang ditawarkan buat pelanggan. Rujuk. Brosur BIMB, Akaun Simpanan Pewani, BIMB, Kuala Lumpur

e) Akaun Simpanan Wadi.<sup>23</sup> Akaun simpanan ini khas untuk kanak-kanak yang berusia 12 tahun ke bawah dengan nisbah perkongsian keuntungan 50:50.

f) Akaun Simpanan *al-Mudarabah*.<sup>24</sup> Berkonsepkan *al-muḍārabah* yang membawa maksud perkongsian untung dan rugi mengikut nisbah yang telah dipersetujui. Ianya terbahagi kepada beberapa jenis iaitu, akaun peribadi, akaun individu bersama dan akaun amanah bagi. Pelanggan akan mendapat buku simpanan<sup>25</sup> secara percuma serta kemudahan kad smart ATM<sup>26</sup> disediakan.

#### 2.2.1.2 Pembiayaan (*Financing*)

Islam memandang mulia kegiatan ekonomi, ini kerana ekonomi merupakan sebahagian daripada ibadah, oleh yang demikian sikap positif terhadap kegiatan ekonomi hendaklah melalui kegiatan yang halal dan bermanfaat di sisi Islam. Sebagaimana firman Allah dalam Sūrah al-Jumu‘ah:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصلوة فَانشروا فِي الْأَرْض وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَادْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا  
لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ (10) وَ إِذَا رأَوْا تَجْرِةً أُوْلَئِكُمْ افْتَضُوا إِلَيْهَا وَ تَرْكُوكُمْ قَائِمًا (ج) قُلْ مَا  
عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ مِنَ الْهُوَ وَ مِنَ التَّحْرِةِ (ج) وَ اللَّهُ خَيْرُ الرَّازِقِينَ (11)

Sūrah al-Jumu‘ah (28):15.

<sup>23</sup> Brosur BIMB, Akaun Simpanan Wadi BIMB, Kuala Lumpur, BIMB.

<sup>24</sup> Brosur BIMB, Akaun Simpanan *al-muḍārabah* BIMB, Kuala Lumpur, BIMB.

<sup>25</sup> Buku simpanan ini memudahkan pelanggan memasukkan wang kedalam akaun beliau, deposit boleh dibuat dengan pelbagai cara antaranya cek, wang tunai, draf bank serta kiriman wang.

<sup>26</sup> Pengeluaran wang melalui ATM boleh dilakukan sehingga RM1000.00 sehari. Selain itu terdapat juga kemudahan pembayaran pembiayaan, pertanyaan baki, penukaran nombor pin rahsia dan kemudahan pindahan wang boleh dilakukan.

*'Dan kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranglah kamu di muka bumi (Untuk mencari rezeki dan menjalankan tugas masing-masing). Dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah dan ingatlah serta sebutlah Allah: seberapa banyak (dalam setiap waktu) supaya kamu berjaya'*

Sebagai sebuah bank perdagangan Islam yang terulung di Malaysia, BIMB telah menawarkan beberapa produk perkhidmatan pembiayaan. Produk pembiayaan ini telah diperkemaskan lagi dari masa ke semasa agar seiring dengan arus perdana. Di antara produk-produk pembiayaan yang ditawarkan oleh BIMB adalah:

- a) Pembiayaan Rumah Baiti. Skim Pembiayaan rumah baiti adalah skim pembiayaan perumahan yang dirumuskan berdasarkan prinsip *al-bay' bithaman ājil* iaitu jual beli dengan harga yang tertangguh. Pembiayaan di BIMB menawarkan dua skim perlindungan iaitu, pertama perlindungan takaful kebakaran (pemilik rumah) berjangka panjang demi melindungi kediaman daripada pelbagai bencana sepanjang jangkamasa pembiayaan. Kedua, takaful gadai janji yang bertujuan untuk menjamin pembayaran balik baki pelanggan sekiranya berlaku kematian atau kecacatan kekal kepada pelanggan.<sup>27</sup> Bagi pelanggan yang membuat pembayaran sepenuhnya sebelum sampai tempoh akan diberikan rebat.<sup>28</sup>
- b) Pembiayaan Peribadi. BIMB juga menyediakan kemudahan pembiayaan peribadi atau nota tunai untuk memenuhi keperluan peribadi pelanggan berasaskan konsep *al-bay' bithaman ājil*.<sup>29</sup>

<sup>27</sup> Brosur BIMB, 'Pembiayaan Rumah Baiti BIMB', Kuala Lumpur, BIMB.

<sup>28</sup> Rebab berbeza daripada Diskaun kerana Rebab diberikan setelah urusniaga berakhir, manakala Diskaun pula merupakan pemotongan terhadap harga barang yang dibuat pada awal-awal lagi. Rebab juga merupakan suatu diskriminasi harga yang diberikan kepada urusniaga yang tertentu.

<sup>29</sup> Brosur BIMB, 'Pembiayaan Peribadi BIMB', Kuala Lumpur, BIMB.

- c) Pembiayaan Kedai dan Rumah Kedai. Kemudahan pembiayaan kedai dan rumah kedai ini berkonseptan prinsip *al-bay' bithaman ājil*. BIMB menawarkan jenis pembiayaan kedai atau rumah kedai yang siap dibina atau masih dalam pembinaan meliputi sehingga 90% daripada kos pembelian. Pembiayaan ini berbeza dengan pembiayaan konvensional dari segi kadar keuntungan, BIMB menawarkan agihan keuntungan<sup>30</sup> tetap berbanding dengan pembiayaan konvensional yang mengamalkan kadar faedah terapung.<sup>31</sup>
- d) Pembiayaan Kenderaan. BIMB menawarkan konsep jual beli kenderaan berlandaskan prinsip syariah BBA, pembayaran tertangguh secara ansuran bulanan serta margin pembiayaan sehingga 100%.<sup>32</sup>
- e) Pembiayaan Barang Pengguna.<sup>33</sup> Berprisipkan prinsip syariah BBA. Akan tetapi disyaratkan buat pelanggan bahawa barang yang dibiayai hendaklah jenis barang yang tahan lasak dengan kos jumlah pembiayaan 100% daripada belian tidak melebihi RM 5000.00<sup>34</sup> dengan margin keuntungan yang menarik serta tetap.
- f) Pembiayaan Pakej Pelancongan<sup>35</sup>. Pembiayaan ini berkonseptan prinsip BBA. BIMB akan meluluskan harga sebenar pakej sehingga mencapai had maksimum RM 10,000.00 ke bawah. Tempoh pembayaran balik pembiayaan selama 36 tahun atau sehingga pelanggan mencapai umur persaraan.

<sup>30</sup> Agihan keuntungan atau dikenali sebagai *profit margin* yang tetap adalah jumlah untung bersih yang diperolehi oleh pengeluar daripada jualan. Margin keuntungan bergantung kepada kos pengeluaran dan harga jualan. Sila Rujuk. *Kamus Ekonomi* (1993), c. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 161.

<sup>31</sup> Kadar faedah yang terapung atau dikenali sebagai *Floating Interest Rate* merupakan kadar rujukan berubah. Lihat *Kamus Perbankan* (1998), c. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 45.

<sup>32</sup> Brosur BIMB, ‘Pembiayaan Kenderaan BIMB’, Kuala Lumpur, BIMB.

<sup>33</sup> Brosur BIMB, ‘Pembiayaan Barang Pengguna BIMB’, Kuala Lumpur, BIMB.

<sup>34</sup> Pinjaman RM 5000.00 ke bawah tempohnya selama 3 tahun atau sehingga pelanggan mencapai tempoh persaraan yang mana lebih awal.

<sup>35</sup> Brosur BIMB, ‘Pembiayaan Pakej Pelancongan BIMB’, Kuala Lumpur, BIMB.

g) Pembiayaan Pengajian. Pembiayaan pengajian turut ditawarkan di BIMB yang berkonsepkan prinsip BBA. Pembiayaan ini akan di berikan 100% kepada pelajar sepenuh masa atau sebaharuh masa.<sup>36</sup>

h) Kemudahan Overdraft Naqad. Bagi pelanggan yang memerlukan wang tunai, BIMB menawarkan kemudahan overdraf naqad yang berprinsipkan BBA. Kemudahan ini layak dipohon oleh perseorangan mahupun ahli perniagaan.<sup>37</sup>

Di samping produk-produk pembiayaan pengguna (*retail financing*) yang telah disenaraikan oleh penulis, terdapat juga produk pembiayaan korporat<sup>38</sup> yang disasarkan kepada ahli korporat di dalam meningkatkan kegiatan perniagaan ahli-ahli korporat.

#### 2.2.1.3 Lain-Lain Perkhidmatan

Selain daripada rangkaian operasi seperti sumber dana (deposit) dan pembiayaan, terdapat juga lain-lain perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan demi memenuhi keperluan serta kehendak pelanggan di dalam menjadikan BIMB sebagai bank yang setanding dengan bank perdagangan yang

<sup>36</sup> Brosur BIMB, ‘Pembiayaan Pengajian BIMB’, Kuala Lumpur, BIMB.

<sup>37</sup> Brosur BIMB, ‘Kemudahan Pembiayaan Overdraft Naqad BIMB’, Kuala Lumpur, BIMB.

<sup>38</sup> Pembiayaan Korporat yang ditawarkan di BIMB diketotgerikan kepada enam bahagian atau kategori, iaitu : (1) Pembiayaan Berkala bawah prinsip BBA, (2) Pembiayaan Penyambung bawah prinsip *al-Istisnā*. Rujuk Othman Yong (1993), *Pasaran dan Institusi Kewangan di Malaysia, Teori dan Amalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 303. Terdapat juga (3) Pembiayaan Projek *al-Mushārakah*. Rujuk. Afzalur Rahman (1974), *Economic Doctrines of Islam*, j. 1, Lahore: Islamic Publications, h.h 63-64. Pembiayaan *al-Mudārabah*. Rujuk. BIMB(1989), *Penubuhan dan Operasi*, Kuala Lumpur: BIMB, Hal. 20. (4) Pembiayaan *al-Ijārah al-Muntahiyah bi Tamlik*. Rujuk Muhammad Uthmān Shubayr (1999), *op.cit.*, h.h 326-329. (5) Pembiayaan Bersendikit, Lihat juga, Produk Bank Islam Malaysia Berhad, <http://www.bankislam.com.my>. 10 ogos 2002. (6) *al- Ijārah*, Lihat BIMB (1995), *Organisation and Operations*, Kuala Lumpur, h.h 14 & 15.

lain agar berdaya maju dan global serta senantiasa maju ke hadapan. Di antara lain-lain perkhidmatan yang ditawarkan di BIMB adalah seperti berikut:

a) Agen Kutipan Zakat. Zakat merupakan struktur asas yang dapat menyelesaikan masalah ketidaksamaan pendapatan, menyekat gejala mengaut keuntungan yang berlebihan dan dapat mengubah nasib golongan miskin.<sup>39</sup> Demi merealisasikan rukun Islam yang ketiga ini maka BIMB telah mengorak satu langkah yang berani dengan menyediakan perkhidmatan untuk memudahkan pelanggannya menunaikan kewajipan membayar zakat dengan menuuhkan kaunter zakat di semua cawangan BIMB.<sup>40</sup>

b) Agen Kutipan Tabung Haji. Pemegang-pemegang akaun Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) boleh menambahkan simpanan pelanggan mereka melalui saluran yang telah ditawarkan oleh BIMB melalui simpanan melalui kaunter di mana-mana cawangan BIMB, simpanan melalui mesin ATM BIMB, simpanan melalui mesin deposit tunai, simpanan melalui mesin deposit cek, simpanan melalui arahan tetap dan simpanan melalui kemudahan MEPS Inter Bank GIRO (IBG). Setiap transaksi yang dilakukan oleh BIMB akan dikenakan komisyen.<sup>41</sup>

Di samping lain-lain perkhidmatan di atas, terdapat juga perkhidmatan lain seperti perkhidmatan pertukaran mata wang asing demi memantapkan lagi

<sup>39</sup> Asmak bt Abdul Rahman & Joni Tamkin Borhan (2002), ‘isu-Isu Dalam Kutipan Zakat Pertanian: Kajian Di Selangor’, Kertas Kerja Bengkel Ekonomi Islam Sessi 3 ‘Kearah Pemantapan Pemahaman & Aplikasi Ekonomi Islam Di Malaysia’, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Anjuran Jabatan Ekonomi APIUM dengan kerjasama Persatuan Ekonomi Islam, 22 jun 2002, h. 3.

<sup>40</sup> Brosur BIMB, ‘Kaunter Zakat BIMB’, Kuala Lumpur, BIMB.

<sup>41</sup> Komisyen sebanyak 60 sen dikenakan kepada pelanggan yang dianggap sebagai *al-Ajr* dikenakan ke atas pelanggan yang melakukan transaksi ini di BIMB.

perkhidmatan di bank perdagangan agar selaras dengan bank perdagangan lain yang terkemuka di Malaysia.

## 2.2.2 Produk-Produk Pembiayaan Perdagangan Islam Di BIMB

Selain daripada menyediakan kemudahan deposit dan lain-lain perkhidmatan kepada pelanggan, BIMB juga melalui produk pembiayaan perdagangan Islam menawarkan pembiayaan jangka pendek bagi menampung keperluan pusingan pelanggan<sup>42</sup> kerana pelanggan tersebut tidak mempunyai modal tunai yang mencukupi untuk membayar nilai barang yang diimport,. Pembiayaan perdagangan Islam ini bertujuan untuk pembelian/import dan jualan/eksport barang, alatan, bahan gantian, bahan mentah dan barang separuh siap yang boleh dibeli tanpa terdapat unsur-unsur penipuan. Pembiayaan perdagangan yang disediakan oleh BIMB terbahagi kepada tujuh produk yang utama, antaranya:

- 1) Surat kredit (*Letter of credit (LC)*)
- 2) Surat jaminan (*Letter of guarantee(LG)*)
- 3) Pembiayaan modal pusingan *al-Murabahah* (*Murabahah working capital financing (MWCF)*)
- 4) Bil pengsekuritan dan penerimaan Islam (*Securitisation and Islamic accepted bill import( IAB-Import)*)
- 5) Bil pengsekuritan dan pembiayaan eksport (*Securitisation and export financing (IAB-Export)*)
- 6) Pembiayaan semula kredit (*Islamic export credit refinancing scheme*)

<sup>42</sup> Bank Islam Malaysia Berhad (t.t), *Corporate and Financing Products*. Kuala Lumpur: BIMB, h. 8.

7) Lain-lain perkhidmatan (*Other services*)

**2.2.2.1 Surat Kredit (*Letter Of Credit (LC)*)**

Kemudahan perkhidmatan surat kredit atau LC<sup>43</sup> ini disediakan oleh BIMB kepada pelanggannya yang menjalankan perdagangan di luar negara demi memudahkan urusan pembelian serta mengimport barang dari negara asing.<sup>44</sup> Kemudahan pembiayaan yang spesifik ini dibuat oleh BIMB kepada pelanggan dalam jangka masa pendek (berpandukan kepada keperluan pelanggan). Kemudahan ini termasuklah pembelian/import dan penjualan/eksport barang seperti jentera berat, persetujuan di dalam pemegangan saham, alatan ganti, bahan mentah dan juga barang separuh siap.<sup>45</sup>

Dalam transaksi ini, BIMB akan mengeluarkan surat akuan yang menyatakan bahawa BIMB sedia membuat pembayaran kepada penjual atau pengeksport sejumlah wang yang tertentu sepetimana yang telah tertera dalam LC. Setelah BIMB dilantik menjadi orang tengah, BIMB akan mengeluarkan LC sebagai janji bahawa BIMB akan membuat pembayaran bagi nilai harga barang tersebut kepada penjual atau pengeksport. Pembeli ataupun pengimport hendaklah mematuhi segala peraturan yang telah termaktub dalam perjanjian dengan BIMB. Pada kebiasaannya BIMB memerlukan cagaran yang sesuai bagi

<sup>43</sup> Johson Pang (1991), *Banking & You (Your Essential Guide to Banking in Malaysia)*, Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd, h.h 205, 207, 208.

<sup>44</sup> BIMB (t.t), *Bank Islam Malaysia Berhad Penubuhan dan Operasi*, Taman Melawar, Kuala Lumpur: Percetakan Hasan & Sons Sdn. Bhd., h.h 30 &31.

<sup>45</sup> BIMB (1995), *op.cit.*, h. 5.

menyediakan kemudahan surat kredit ini<sup>46</sup> daripada pengimport/pembeli. Surat kredit yang dianjurkan oleh BIMB terbahagi kepada tiga jenis dan setiap jenis mempunyai prinsip-prinsip syariahnya yang tersendiri. Di antara LC yang dianjurkan oleh BIMB adalah seperti berikut :

- 1) Surat kredit *al-wakalah*
- 2) Surat kredit *al-musharakah*
- 3) Surat kredit *al-murabahah*

Prinsip syariah yang akan digunakan ini bergantung kepada kehendak pelanggan dan juga persetujuan dari pihak bank.<sup>47</sup>

#### **2.2.2.1.1 Surat Kredit *al-Wakalah* (*Letter of Credit al-Wakalah*)**

Surat kredit *al-wakalah* merupakan salah satu surat kredit<sup>48</sup> yang menggunakan prinsip syariah *al-wakalah*. LC ini merujuk kepada situasi di mana satu pihak menamakan satu pihak yang lain bertindak sebagai wakil bagi dirinya. Surat kredit ini memerlukan pembayaran pendahuluan ataupun dikenali dengan (*advance payment*) dari pelanggan terlebih dahulu mengikut nilai barang yang hendak dibeli pelanggan.<sup>49</sup> Pelanggan perlu memasukan sejumlah wang deposit ke dalam akaun BIMB berdasarkan harga barang yang hendak dibeli atau diimport.<sup>50</sup> Pihak BIMB (sebagai agen kepada pelanggan dalam hal pembayaran) akan mengeluarkan LC berdasarkan syarat-syarat jual beli yang sah di sisi syara'.

<sup>46</sup> Ismail Ibrahim (1998), *Kewangan Syarikat*, Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 80.

<sup>47</sup> Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h. 249.

<sup>48</sup> Dr. Wahbah Zuhaily (1997), *op.cit.*, j. 5, h. 4055.

<sup>49</sup> Ibrahim Shahbudin (Manager Group Islamic Banking Eon Bank Berhad )(2001), 'Trade Finance Facilities', Kertas Kerja 'Seminar Islamic Banking and Finance Lecture Series', Hotel Sheraton & Tower, Kuala Lumpur. Organised by Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, 19-20 Sept. 2001), h.h 10 & 11.

<sup>50</sup> Produk Perbankan Bank Islam Malaysia Berhad. [www.bankislam.com.my/product\\_pdgsrtkredatalwakalah.htm](http://www.bankislam.com.my/product_pdgsrtkredatalwakalah.htm). 18 November 2002.

Kemudian BIMB akan membuat pembayaran dengan menggunakan wang simpanan pelanggan di dalam akaun pelanggan tersebut. BIMB akan mengenakan yuran serta komisyen kepada pelanggan ke atas segala perkhidmatan yang telah di jalankan di bawah prinsip syara' *al-ajr wa al-'umūlah*. Sekiranya pelanggan BIMB tersebut gagal untuk menepati janji mereka dalam hal pembayaran atau jaminan, BIMB akan menanggung segala risiko tersebut. Dalam hal jaminan pula, BIMB biasanya akan mengeluarkan jaminan tender, jaminan sub-kontrak, jaminan untuk pengecualian cukai kastam, bon kastam dan jaminan penampilan.

Setelah pelanggan memohon permohonan ini, pihak BIMB akan memeriksa dan memproses permohonan tersebut. Sekiranya BIMB berpuas hati dengan permohonan tersebut maka BIMB akan mengeluarkan surat tawaran '*letter of offer*' buat pelanggan. Setelah berpuas hati dengan syarat-syarat yang telah dinyatakan pelanggan seterusnya akan menandatangani perjanjian dengan BIMB. BIMB akan mengeluarkan LC setelah semua dokumen tersebut disemak dan disahkan oleh pegawai BIMB.

Dengan menggunakan surat kredit ini, pengedar barang dapat mengelakan daripada penyelewangan pembayaran oleh pengimpor kerana jaminan tersebut datang sendiri dari pihak bank. Pengimpor juga akan berasa begitu yakin untuk berdagang kerana pembayaran akan dibuat setelah tibanya barang yang dipesan daripada pengeksport. Pengimpor juga akan mendapat harga yang lebih murah kerana pembelian yang dibuat biasanya secara pukal dengan bayaran tunai. Bayaran komisyen yang telah ditetapkan sebanyak

RM 50.00 paling minimum, lain-lain caj sebanyak RM 10.00, stem duti sebanyak RM 3.00 dan penggunaan teleks, faks, telefon dan SWIFT<sup>51</sup> sebanyak RM 10.00 paling minimum (bergantung ke atas penggunaan).

#### **2.2.2.1.2 Surat Kredit *al-Musharakah* (Letter of Credit *al-Musharakah*)**

Surat kredit yang kedua adalah berprinsipkan syariah *al-mushārakah*.<sup>52</sup> BIMB akan mengeluarkan LC yang berlandaskan hukum Islam *al-mushārakah*. BIMB juga turut serta sebagai penyumbang modal untuk pembayaran harga barang yang mahu diimport atau dimiliki oleh pelanggan.<sup>53</sup>

Terlebih dahulu pelanggan akan memaklumkan kepada BIMB tentang permohonan LC yang beliau kehendaki, beliau juga hendaklah mematuhi segala syarat-syarat pembiayaan *al-mushārakah* yang telah dianjurkan oleh BIMB. BIMB mensyaratkan kepada pelanggan agar meletakan bahagian perkongsian pembayaran yang diperlukan untuk tujuan pembelian / import barang yang dikehendaki pelanggan. BIMB akan menerima simpanan pelanggan tersebut di

<sup>51</sup> Merupakan singkatan kepada Society For Worldwide Interbank Financial Telecommunication atau dalam bahasa melayunya Pertubuhan Telekomunikasi Antarabangsa Kewangan Antara Bank Seluruh Dunia. Mula diasaskan di Belgium pada tahun 1970. Memulakan operasi pada 9 Mei 1977 sebagai sistem pemindahan wang yang dapat dijalankan dengan cepat dan berkesan serta tidak memerlukan kos yang tinggi kerana ia memerlukan satu talian khas untuk membolehkannya beroperasi.; Rujuk. Johnson Pang (1997), *Banking Business and International Trade Financing*, Shah Alam: Federal Publications, h. 209. Perkhidmatan ini juga memudahkan pelanggan menghantar atau memindahkan wang kepada penerima yang tinggal di lokasi luar negara tanpa had dalam pelbagai matawang.

<sup>52</sup> *al-Mushārakah* adalah percampuran dua atau lebih yang bersetuju untuk berkongsi saham di dalam sesuatu perniagaan dengan sumbangan sama ada berupa modal atau usaha. Keuntungan & kerugian akan diagihkan sesama rakan kongsi. Rujuk. 'Abd al-'Azīz al-Khayyāt (1971), *al-Sharīkah*, c. 2, Amman, Urdun: Ummal al-Matābī al-Ta'wūniyyāh, h. 342.

<sup>53</sup> Dalam proses ini pelanggan hanya membayar sebahagian daripada kos asal barang tersebut dan sebahagian lagi dibayar oleh BIMB mengikut syarat *Mushārakah*. Begitu juga dengan keuntungan yang bakal di capai kelak dibahagikan mengikut nisbah yang telah dipersetujui oleh kedua belah pihak.

bawah prinsip syariah *al-wadī'ah yad ḫamānah*.<sup>54</sup> Bayaran yang selebihnya akan dibayar oleh BIMB dengan menggunakan dana BIMB sendiri.<sup>55</sup> BIMB akan membuat kesemua pembayaran tersebut menggunakan dana BIMB dan dana pelanggan kepada pengimport atau melalui bank perunding urus pengimport dan memberikan LC tersebut kepada pelanggannya. Pelanggan seterusnya mengambil barang tersebut untuk diniagakan di pasaran. Keuntungan yang bakal diperolehi akan dibahagikan mengikut persetujuan yang telah dipersetujui antara pelanggan dan BIMB.

#### 2.2.2.1.3 Surat Kredit *al-Murabahah* (*Letter of Credit al-Murabahah*)

LC *al-Murabahah* merupakan salah satu lagi kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh BIMB kepada pengguna. Surat kredit ini menggunakan prinsip syariah *al-murābahah*. Transaksi ini melibatkan pembelian barang oleh BIMB terlebih dahulu dan menjualkan barang tersebut semula kepada pelanggan bersama keuntungan tanpa sebarang bayaran pendahuluan yang diminta daripada pelanggan.<sup>56</sup> Setelah pelanggan menjelaskan pembayaran harga asal di campur dengan keuntungan kepada BIMB, segala dokumen pembelian LC *al-murābahah* akan diserahkan kepada pelanggan sebagai tanda pemilikan yang mutlak. Tempoh pembiayaan LC *al-murābahah* BIMB adalah lebih pendek,

<sup>54</sup> Bank Islam Malaysia Berhad Produk-Produk Perbankan. (Surat kredit di bawah kontrak *Mushārakah*), [http://www.bankislam.com.my/prodct\\_pdgsrtkredtalmyrk.htm](http://www.bankislam.com.my/prodct_pdgsrtkredtalmyrk.htm). 18 November 2002. Rujuk. En. Ismail Mahayudin (2002), ‘Course on Trade Finance Operations’, Kertas kerja yang telah dibentangkan di BIMB Training Room Tingkat 11, Darul Takaful, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur, 10-11 May 2002.

<sup>55</sup> Abdul Halim Ismail (1986), ‘Sources and Uses of Funds: A Study of BIMB’, Kertas Kerja Yang dibentengkan Pada Seminar ‘Developing A System of Islamic Financial Instrument’, Anjuran Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Pembangunan Islam, Kuala Lumpur, Jun 1986, h. 13.

<sup>56</sup> Ahsan M.Saleem, ‘Short Term Islamic Corporate Financing: A Case Study’ (Kerta Kerja Yang Dibentangkan Pada Seminar ‘Pembiayaan Korporat Islam Berlandaskan Penyelesaian Syariah , Karachi, India, 21 & 22 Noveinber 1998), h.h 8 &15.

kebiasaannya selama 30, 60, 90, hingga 180 hari<sup>57</sup> bergantung kepada pelanggan yang memohonnya. Memandangkan sistem perbankan Islam telah mengharamkan penggunaan amalan *ribā* di dalam segala urusan perbankannya, maka kadar keuntungan yang bakal diperolehi oleh BIMB ialah tetap. Rebat harga akan diberikan kepada pelanggan yang dapat menyelesaikan pembayaran awal dari tempoh yang dijanjikan bersama di dalam surat perjanjian.

Contoh kiraan pembelian dan penjualan oleh BIMB adalah seperti berikut :

1) BIMB membeli dari pembekal<sup>58</sup>

Harga belian BIMB = jumlah yang dibayai

Harga jualan dari BIMB = ( harga belian oleh BIMB + harga tambahan yang telah disetujui oleh kedua-dua pihak sebelum akad )

Harga = harga asas BIMB + margin

Tenor = waktu yang dipohon.

2) BIMB menjualkan kepada pelanggan

Harga yang dipersetujui bersama : USD 100,000.00@RM 380,000.00

Kadar keuntungan / Tenor : 8.8% / 90 hari

Harga jualan = harga belian [ 1+ (kadar x Tenor / 36500) ]

Harga jualan = RM 380,000.00 [ 1+ (8.8 x 90 / 36500) ] = RM 388,245.48.

<sup>57</sup> Zai Abdul Aziz (1999), 'Produk Kewangan Islam dan Pasaran Wang Islam', (Kertas Kerja di Bentangkan di Seminar Pengenalan Pasaran Modal Islam, Dewan Persidangan SC, Kuala Lumpur, Julai 1999), h. 17.

<sup>58</sup> Apabila pelanggan bertemu dengan pihak BIMB dan menyatakan hasrat beliau untuk mendapat barang yang diingini, pihak BIMB akan membeli barang tersebut bagi pihak pelanggan dan menjualkan kembali kepada pelanggan berserta dengan kadar tambahan keuntungan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang berakad.

### **2.2.2.2 Surat Jaminan (*Letter of Guarantee (LG)*)**

Merupakan surat jaminan yang dikeluarkan BIMB kepada pelanggannya dengan tujuan untuk melaksanakan sesbuah projek, melangsiankan projek dan lain-lain lagi yang tidak bercanggah di sisi syara'.<sup>59</sup> Kemudahan ini kebiasaannya diperlukan oleh pelanggan berhubung dengan sesuatu tanggung jawabnya yang bersabit dengan sesuatu hutang atau perlaksanaan sesuatu hutang atau perlaksanaan sesuatu tugas terhadap pihak yang lain.<sup>60</sup> Transaksi ini menggunakan prinsip syariah *al-kufālah*.<sup>61</sup> Jenis-jenis surat jaminan yang dikeluarkan oleh BIMB ialah, surat jaminan tender, surat jaminan prestasi, surat jaminan sub-kontrak, jaminan deposit sekuriti, bon kastam dan jaminan pengecualian cukai kastam, jaminan tiada pengeluaran wang (*retention*) dan juga surat jaminan perlaksanaan bayaran balik wang pendahuluan serta bayaran progresif.

Pelanggan boleh memohon perkhidmatan ini dengan pihak BIMB, setelah permohonan ini diluluskan pihak BIMB akan mengeluarkan surat jaminan kepada pihak ketiga yang menyatakan kesanggupan BIMB menerima tanggung jawab menjelaskan hutang pelanggan atau membayar balik ganti rugi yang bersabit dengan pelaksanaan sesuatu tugas. Sekiranya pelanggan gagal

<sup>59</sup> Bank Islam Malaysia Berhad, Produk-Produk Perbankan Islam [www.bankislam.com.my/prodук Isl/rangkaian.html](http://www.bankislam.com.my/prodук Isl/rangkaian.html) 18 November 2002

<sup>60</sup> Muhammad Kamal Azhari (1993), 'Bank Islam : Teori dan Praktik', Kuala Lumpur: Pustaka Fajar, h. 156.

<sup>61</sup> BIMB akan membantu pelanggannya menyakinkan pihak lain (pihak ketiga) bahawa pelanggannya akan mematuhi tanggung jawabnya dalam melangsiankan hutang atau perlaksanaan sesuatu tugas. BIMB akan menjadi penjamin sekiranya pelanggan gagal menunaikan tanggungjawab dalam pembayaran balik hutang mereka. Sila Rujuk BIMB(1994), *op.cit.*, h. 99.

memenuhi tanggung jawabnya maka beban tersebut akan dipikul oleh BIMB. Bagi membala jasa baik BIMB, pelanggan hendaklah meletakkan sejumlah wang deposit ke dalam akaun deposit BIMB.<sup>62</sup> Setiap transaksi yang dijalankan oleh BIMB akan dikenakan komisyen berdasarkan konsep *al-jr*.

### **2.2.2.3 Pembiayaan Modal Pusingan Di Bawah Kontrak Murabahah (*Murabahah Working Capital Financing (MWCF)* )**

Pembiayaan MWCF juga disediakan oleh BIMB kepada pelangannya di bawah prinsip syariah *al-murābahah*<sup>63</sup> demi merealisasikan matlamat perbankan Islam iaitu bank untuk semua. MWCF amat diperlukan oleh pelanggan untuk menjana modal pusingan seperti membekalkan inventori, alat ganti, bahan-bahan mentah dan separuh siap.<sup>64</sup>

BIMB akan membeli bagi pihak pelanggan sebagai agen pelanggan dengan menggunakan dana BIMB terlebih dahulu. BIMB kemudiannya menjualkan kembali barang tersebut kepada pelanggan dengan persetujuan daripada dua pihak yang berakad.<sup>65</sup> Pembiayaan jangka masa pendek ini biasanya mengambil tempoh selama 30 hari, 60 hari, 90 hari yang mana telah dipersetujui bersama

<sup>62</sup> BIMB akan menerima simpanan pelanggan tersebut untuk diletakkan ke dalam akaun simpanan *al-wadi'ah* di bawah prinsip *al-wadi'ah yad qamānah*.

<sup>63</sup> Merupakan jualan untung oleh pihak BIMB kepada pelanggan. Sila Rujuk. Muhammed Nejatullah Siddiqi (1983), *Issues In Islamic Banking, Selected Papers.*, London: The Islamic Foundation, h.h 48-49.

<sup>64</sup> Johnson Pang (1997), *op.cit.*, h. 289.

<sup>65</sup> BIMB dan pelanggan mengetahui harga kos asal dan keuntungan yang bakal diperolehi. Dengan yang demikian pelanggan tidak akan merasa tertipu dan perniagaan dapat dijalankan secara sah.

sebelum akad.<sup>66</sup> Setelah berakhir tempoh jangka pembiayaan ini, pelanggan hendaklah membayar kepada BIMB jumlah yang telah biaya BIMB. Rebat akan diberikan sekiranya pelanggan menyegerakan pembayaran mereka sebelum tempoh pembiayaan tersebut tamat.<sup>67</sup>

#### 2.2.2.4 Bil Pengsekuritan Dan Penerimaan Islam (*Securitisation And Islamic Accepted Bills-Import (IAB)*)

Ianya merupakan satu pembiayaan jangka pendek di dalam produk sistem perbankan Islam yang telah diwujudkan untuk meluaskan sistem perdagangan dengan menggunakan instrumen kewangan Islam. IAB<sup>68</sup> mula diperkenalkan pada 4 Mac 1994 bertujuan untuk memberikan kemudahan yang serupa dengan penerimaan jurubank (*bank acceptance*)<sup>69</sup> yang dibentuk atas prinsip *bay' al-dayn*.<sup>70</sup>

Pihak bank akan mengeluarkan bil pertukaran (*bill of exchange*)<sup>71</sup> kepada pelanggan. Bil pertukaran ini akan dikeluarkan dalam amaun yang penuh oleh

<sup>66</sup> Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h. 250. Lihat juga Ibarahim Shahbudin (2001), *op.cit.*, h. 20-25. BIMB(1994), *op.cit.*, h. 104.

<sup>68</sup> Merupakan persetujuan pelanggan untuk membayar jumlah dalam tempoh yang telah dinyatakan di dalam bil tersebut. IAB-Import ini mengamalkan prinsip *bay' al-dayn*. BIMB akan mengeluarkan bil pertukaran kepada pelanggan pada kadarann yang penuh dalam harga jualan. Bil ini juga boleh diniagakan kepada pengguna yang ketiga.

<sup>69</sup> Merupakan Draf untuk ditunaikan oleh bank dan diterima oleh bank tersebut, draf ini biasanya digunakan dalam urusniaga antarabangsa. Dengan menerima draf tersebut, BIMB menjamin pembayaran yang akan dibayar oleh pengimport kepada pengeksport. Lihat. Kamus Perbankan (1998), *op.cit.*, h. 63.

<sup>70</sup> Merupakan hak mengutip hutang yang akan matang pada masa hadapan, hutang tersebut boleh dijualkan kepada orang lain dengan harga yang telah disepakati bersama.

<sup>71</sup> Akta Bil Pertukaran 1949 merupakan bil pertukaran arahan tidak bersyarat secara bertulis meminta agar pihak yang ditujukan alamatnya dalam bil tersebut supaya membuat pembayaran sejumlah wang kepada pihak tertentu yang telah dinyatakan dalam bil tersebut. Bil pertukaran ini merupakan satu instrumen boleh niaga yang paling banyak digunakan untuk mendapatkan bayaran dalam perdagangan antarabangsa. Bil ini terbahagi kepada dua jenis iaitu: 1) bil tempatan 2) bil lasing. Sila Rujuk. Ismail Mahyuddin (1999), 'Trade

pihak bank. Tempoh matang pembiayaan juga tertera di dalam bil pertukaran tersebut. BNM telah membenarkan bil pertukaran ini sebagai gantian kepada *Islamic accepted bill* dan boleh diniagakan di pasaran sekunder.

Di dalam perdagangan hutang, Bil pertukaran (*bil of exchange*) yang dijual hendaklah diserahkan dan pembayaran dengan wang tunai akan diterima serentak pada satu masa yang sama. Dalam SPI yang diamalkan oleh BIMB, bil pertukaran secara Islam dalam perdagangan boleh dipecahkan kepada :

- 1) Bil pertukaran Islam (*Islamic accepted Bill/IAB*).
- 2) Penerimaan bank (*Banker's acceptance*). Ianya terbit daripada transaksi jual beli barang atau barang-barang yang halal dan sah dijual beli. Lebih di kenali dengan 'BA'.
- 3) Bon muḍārabah Cagamas (*Cagamas mudārabah bond/CMB*)
- 4) Pembiayaan semula kredit eksport secara Islam (*Islamic Export Credit Refinancing/IECR*).
- 5) Sijil Hutang Islam boleh runding (*Negotible Islamic Debt Certificate/NIDC*).<sup>72</sup>

---

Financing' (Kertas Kerja Pembentangan di Medan MARA Kuala Lumpur, 17 November 1999), h. 15.

<sup>72</sup> Mohd Ali Bin Haji Baharum (1999), *Undang-Undang Kontrak Perbandingan Islam Dan Inggeris*, c. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 107.

## 2.2.2.5 Pengsekuritian Dan Pembiayaan Eksport (*Securitisation And Export Financing LAB-Export*)<sup>73</sup>

BIMB memberi kemudahan pembiayaan eksport dan jualan di bawah prinsip syariah *bay' al-dayn*. *Bay' al-dayn* atau lebih dikenali sebagai perniagaan hutang ini merupakan satu kemudahan jangka pendek di mana bank membeli hak pelanggan ke atas hutang yang telah diniagakan dalam bentuk Bil Pertukaran. Pengekspor yang ingin mendapatkan kemudahan ini akan menyediakan dokumen-dokumen eksport seperti yang dikehendaki dalam kontrak jualan / surat kredit.

Pengekspor barang tersebut yang inginkan keistimewaan pembiayaan ini hendaklah menyediakan dokumen eksport seperti LC. Pelanggan tersebut akan mengemukakan dokumen yang berkenaan seperti LC kepada bank untuk disekuritikan. Bank akan meminta pelanggannya mengeluarkan bil pertukaran yang lain kerana bil pertukaran yang pertama dikeluarkan tersebut telah dihantar kepada pembeli di luar negara untuk urusan sekuriti.<sup>74</sup>

<sup>73</sup> Bil ini lebih menekan kepada memberi kemudahan pembiayaan eksport dan jualan di bawah kontrak *bay' al-Dayn* dalam jangka masa yang pendek BIMB akan membeli hutang yang diniagakan dalam bentuk bil pertukaran. BIMB membayai pengekspor dan menjualkan kembali hutang tersebut di bawah kontrak *bay' al-dayn*. Pelanggan hendaklah menunjukkan dokumen tersebut untuk dijualkan kepada BIMB. Dokumen eksport tersebut seterusnya dihantarkan kepada pembeli di luar negeri dan sebagai gantian bagi dokumen tersebut, BIMB meminta pengekspor mengeluarkan satu bil pertukaran yang lain. Bil ini juga dapat diniagakan di pasaran sekunder. Lihat BIRT (1998), *op.cit.*, h. 70. Sila Rujuk. Abul Hasan M. Sadeq (1992), Abbas Mirakhor *et al.* (ed.), *Financing Economic Development Islamic and Mainstream Approaches, Theory of An Islamic Finance System (Secondary Market)*, Kuala Lumpur: Longman Malaysia, h. h151&152.

<sup>74</sup> Bil ini juga dikenali sebagai bil penerimaan Islam-eksport dan bil ini boleh diperdagangkan di pasaran sekunder. Rujuk *Ibid.*,h. 105.

Bagi setiap pembiayaan IAB-eksport, biasanya dibuat selama 30 hari ke atas dan maksimum selama 180 hari. BIMB akan membiayai keseluruhan pembiayaan. Pembayaran gantian pembiayaan oleh pelanggan akan dibayar kembali setelah tamat tempoh. Terdapat beberapa kelebihan di dalam urusan IAB-eksport, antaranya ialah pembayaran masa depan boleh dibuat melebihi daripada 30 hari daripada tempoh penerimaan barang, kedua pula pembayaran yang dilakukan kepada BIMB dibuat dalam mata wang tempatan, seperti di Malaysia penggunaan ringgit Malaysia digunakan. Pembayaran pembiayaan boleh dilakukan di Ibu pejabat atau BIMB cawangan yang mengeluarkan IAB-eksport tersebut.

#### **2.2.2.6 Pembiayaan Semula Kredit Eksport Islam (*Islamic Export Credit Refinancing Scheme (IECR)*)**

Produk pembiayaan semula kredit eksport (IECR) yang ditawarkan oleh BIMB secara tanpa faedah kepada pengeksport berdasarkan kepada prinsip syariah *bay' al-dayn*. Sekiranya item eksport tersebut menepati senarai barang dan panduan-panduan eksport, BIMB akan menyuruh pelanggannya menerbitkan bil pertukaran yang boleh dijadikan sebagai '*lien*'<sup>75</sup> kepada bil penerimaan Islam.<sup>76</sup> Bil pertukaran ini seterusnya akan dijualkan kepada Bank Negara

<sup>75</sup> Merupakan hak memegang harta orang yang terhutang sebagai sandaran kepada hutang, sehingga hutang tersebut dilangsakan. Rujuk. *Kamus Ekonomi, op.cit.*, h. 159

<sup>76</sup> Bil penerimaan Islam merupakan satu arahan bertulis tanpa syarat yang dikeluarkan oleh penyuruh bayar kepada pesuruh bayar. Arahan yang ditandatangan oleh penyuruh bayar ini meminta pesuruh bayar menjelaskan sejumlah wang kepadanya, atau kepada orang yang namanya dinyatakan dalam bil arahan itu dengan serta merta atau dalam tempoh yang tertentu. Rujuk. *Kamus Perbankan (1998), op.cit.*, h. 18. Ianya juga dikenali sebagai bil pertukaran gantian (*substitution bill of exchange*)

Malaysia semula dengan kadar pembiayaan yang istimewa. Kadar pembiayaan ini akan dimaklumkan dari semasa kesemasa sekiranya terdapat perubahan.<sup>77</sup>

#### **2.2.2.7 Lain-lain Perkhidmatan di bawah Pembiayaan Perdagangan Islam**

##### **Di BIMB (*Other Services*)**

Bagi memantapkan lagi pembiayaan perdagangan dan perpendaharaan di SPI, BIMB telah memperkenalkan lain-lain perkhidmatan kepada pelanggan yang menggunakan prinsip syariah Islam. Di antaranya ialah :

##### **2.2.2.7.1 Penghantaran Wang (*Money Transfer*)**

Penggunaan produk ini melibatkan penghantaran wang dari pelanggan A kepada pelanggan B sepetimana yang telah dimohon oleh pelanggan. BIMB akan bertindak sebagai agen kepada pelanggan berpandukan prinsip syariah *al-wakālah*. Penghantaran wang ini boleh dilakukan di BIMB melalui draf, surat penghantaran ataupun melalui penghantaran secara telegrafik (*telegrafik transfer*). Pihak bank akan menggunakan perkhidmatan ini melalui rangkaian cawangannya atau melalui bank agen di negara pelanggan B tersebut, dan kebiasaan pihak bank akan mengekalkan sebuah akaun bersama dengan agen tersebut.

Surat penghantaran atau draf ini akan berfungsi sekiranya bank mengarahkan agen membuat pembayaran kepada benifisari dengan cara

---

<sup>77</sup> BIMB (1994), *op.cit.*, h. 105.

menyerahkan surat kuasa. Agen akan mendebitkan pembayaran tersebut ke dalam akaun dalam nilai matawang asing, Bank akan menukar atau menjual matawang asing tersebut kepada pelanggan bersama sedikit caj kepada pelanggan kerana menggunakan perkhidmatan ini.

#### **2.2.2.7.2 Kutipan Untuk Memulakan Transaksi Perdagangan (*Collection of Proceeds of Trade Transactions*)**

Di sini Bank memainkan peranan yang penting sebagai agen pemungut kepada pengekspor / penjual berdasarkan prinsip syariah *al-wakālah*. BIMB akan menerima semua dokumen yang penting termasuklah arahan kutipan (*collection instruction*) dan juga arahan kutipan bagi menjalankan transaksi perdagangan (*collection of proceeds of trade transactions*).

Bank pemungut hendaklah memastikan kesemua dokumen yang bersangkut dengan urusan ini diserahkan bersama dengan pesanan pungutan kepada agen beliau di dalam negeri pembeli itu sendiri. Arahan pungutan yang diberikan mestilah berupa suatu dokumen yang mewakili barang yang dieksport apabila pembayaran tersebut dibuat. Dengan ini, pengekspor akan diberi jaminan bahawa barang yang dibekalkan kepada pengimport tidak akan diberikan kepada pembeli sekiranya syarat-syarat dan kandungan kontrak tidak dipenuhi terlebih dahulu.

#### **2.2.2.7.3 Jual Beli Matawang Asing**

Pihak BIMB akan bertindak sebagai agen jual beli matawang asing. Perkhidmatan ini lebih menyeluruh dan boleh diperolehi melalui subsidiari – BIMB Foreign Currency Agency Sdn. Bhd. (BIFCA).

#### **2.2.2.7.4 Pembelian Bil Pertukaran Asing**

Pihak BIMB akan membiayai eksport/jualan kepada pelanggan berpandukan prinsip *bay' al-dayn*. Pembiayaan ini merupakan salah satu daripada produk pembiayaan jangka pendek di bawah pembiayaan perdagangan Islam, BIMB akan membeli membeli hutang pelanggan yang biasanya diniagakan dalam bentuk bil pertukaran.

#### **2.2.2.7.5 Maklumat Perdagangan (*Trade Information*)**

Seseorang pedagang yang hendak memulakan perniagaan mestilah mengetahui selok belok tentang maklumat perdagangan agar beliau tidak akan mendapat kerugian kelak. Apabila memulakan perdagangan, maklumat perdagangan ini amat penting untuk mengetahui keadaan pasaran perdagangan dunia. Untuk mendapatkan sebarang maklumat secara tepat memerlukan agen, Agen ini akan diminta oleh pelanggan bank untuk mengetahui maklumat secara terperinci tentang perniagaan di luar negara yang mempunyai sebarang urusniaga dengan pelanggan bank tersebut.<sup>78</sup>

---

<sup>78</sup> *Ibid.*, Hal 107.

Sesetengah maklumat yang diperlukan oleh pelanggan adalah amat penting di dalam membuat keputusan sebelum memulakan sesuatu perdagangan. Bank akan mengumpulkan pelbagai maklumat daripada agennya yang berada di luar negara untuk diserahkan kepada pelanggan bank seperti mana yang diminta oleh pelanggan .

## **2.3 PEMBIAYAAN PERDAGANGAN ISLAM DI BMMB**

### **2.3.1 SEJARAH PENUBUHAN BMMB**

Kejayaan BIMB yang inovatif merupakan satu pencapaian di dalam sistem perbankan Islam keseluruhannya. Peranannya dalam meningkatkan serta memperkembangkan Sistem Perbankan Islam di Malaysia telah menjadi satu pendorong kepada tertubuhnya bank Islam yang kedua iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB).

Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) telah memulakan operasi perbankan pada 1 Oktober 1999 dengan dana pemegang saham pemulaan sebanyak RM 300 juta dan modal berbayar sebanyak RM 225 juta pada akhir tahun kewangan 2000 dana pemegang saham telah meningkat kepada RM 311 juta.<sup>79</sup> Pada peringkat awal penubuhannya, BMMB telah ditubuhkan hasil daripada gabungan bank perdagangan.<sup>80</sup> BMMB merupakan sistem perbankan

---

<sup>79</sup> Bank Muamalat Malaysia Berhad (t.t), Risalah Penubuhan BMMB.

<sup>80</sup> Gabungan bank yang dimaksudkan itu ialah Bank Bumiputera Malaysia Berhad dan Bank Of Commerce (M) Berhad. Hasil gabungan skim Perbankan Islam Bank Bumiputera Malaysia

Islam yang universal dan pasarannya tidak terhad kepada orang Islam sahaja bahkan kepada bukan muslim. BMMB disokong oleh 40 buah cawangan dalam negara dan sebuah cawangan luar pesisir di Labuan.<sup>81</sup> Dengan tertubuhnya BMMB, ini dapat mewujudkan persaingan yang sihat dengan BIMB, di samping itu juga pengguna dapat menilai dari segi kualiti perkhidmatan dan produk yang lebih cekap serta bermutu.<sup>82</sup>

Pada peringkat awal penubuhannya BMMB bertujuan untuk memastikan prasarana sumber manusia dan prosedur operasi berjalan dengan lancar dan cekap. Penggabungan Bank Of Commerce (M) Bhd. Yang merupakan anak syarikat Commerce Asset Holding dan Bank Bumiputra Malaysia Berhad Berhad maka termeterailah satu majlis tandatangan perjanjian pertukaran saham di antara Menteri Kewangan, Khazanah Nasional Berhad dan Commerce Asset Holding Berhad (CAHB) pada 8 Feb 1999.<sup>83</sup> Bermotifkan untuk mewujudkan dua buah bank baru iaitu Bumiputra Commerce Bank Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad.<sup>84</sup>

---

<sup>81</sup> Berhad dengan BMMB Kewangan dan juga Bank of Commerce (M) Berhad maka lahirlah Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB).

<sup>82</sup> Cawangan luar persisiran Labuan oleh BMMB Commerce (M) Berhad. Hasil gabungan skim Perbankan Islam Bank Bumiputra Malaysia Berhad dengan BMMB Kewangan dan juga Bank of Commerce (M) Berhad maka lahirlah Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). Merupakan bank yang kedua ditubuhkan dan diperbadankan luar pesisir 1990.

<sup>83</sup> Draf Jawapan YB Menteri Kewangan 2 Kepada Utusan Malaysia <http://www.treasury.gov.my/dom.43e34b676f244c1bc825681c001e923b?openDocument>., 24 July 2002.

<sup>84</sup> BMMB (2001), Suara Muamalat, Edisi 5 /01, h. 4.

BMMB diletakkan di bawah Sistem Perbankan Islam (SPI) yang tertakluk kepada di bawah Akta Perbankan Islam 1983. Mengikut Akta 1983 ini, kesemua Akta Perbankan adalah dibawah kuasa Bank Negara, Bank Negara sebagai pemantau. Lihat. Akta Perbankan Bank Muamalat Malaysia Berhad. [www.BankMuamalatMalaysiaBerhad.com](http://www.BankMuamalatMalaysiaBerhad.com) Islamic Act 1983. 23 Julai 2002.

### **2.3.2 Perkhidmatan Yang Ditawarkan Di BMMB**

Seperti bank-bank perdagangan yang lain, BMMB menawarkan perkhidmatan perbankan yang disuntik dengan prinsip-prinsip syariah agar sesuai dengan logo BMMB iaitu ‘Perbankan Untuk Semua’. Secara umumnya perkhidmatan perbankan di BMMB boleh diketogerikan kepada tiga jenis perkhidmatan utama seperti mana yang telah diamalkan oleh BIMB iaitu :

- 1) Produk deposit.<sup>85</sup>
- 2) Produk pembiayaan
- 3) Lain-lain produk

#### **2.3.2.1 Sumber Dana (Deposit)**

Simpanan merupakan sifat semulajadi manusia yang positif dari azali lagi.<sup>86</sup> BMMB cuba memupuk sifat positif ini agar menular dalam kehidupan manusia terutamanya umat Islam dengan cara menawarkan produk deposit (simpanan).<sup>87</sup> Di BMMB terdapat empat jenis akaun simpanan yang ditawarkan, antaranya seperti berikut:

- a) Akaun Semasa *al-Wadiah*. BMMB hendaklah menjamin nilai wang simpanan yang tersimpan itu atas prinsip *al-wadī'ah yad qamānah*. BMMB dibenarkan menggunakan wang simpanan pelanggan yang membuat simpanan di dalam akaun simpanan mereka dengan syarat penggunaan wang tersebut

<sup>85</sup> Merupakan dana yang diletakan oleh pelanggan bank di institusi kewangan. Dana dan wang yang diletakan di sesuatu entiti dijadikan sebagai suatu jaminan bahawa sesuatu kontrak akan disempurnakan. Kamus Perbankan (1998), *op.cit.*, h. 25.

<sup>86</sup> *Ibid.*, h. 40.

<sup>87</sup> Simpanan merupakan sesuatu yang digalakkan didalam Islam. Allah menyuruh manusia menyimpan sebahagian daripada pendapatan mereka agar tiada pembaziran berlaku dalam perbelanjaan. Sila lihat. Abul Hasan M. Sadeq (1992), *op.cit.*, h. 12.

mengikut syara<sup>88</sup>. Akaun semasa *al-wadī'ah* terbahagi kepada beberapa buah akaun semasa antaranya, akaun persendirian, akaun bersama, akaun syarikat dan akaun professional. Pelanggan juga diberikan wang pulangan yang dibuat dalam bentuk *hibbah* atas budi bicara bank mengikut keuntungan tahunan bank tersebut di dalam setiap wang yang telah bank laburkan.

b) Akaun Simpanan *al-Wadiyah*.<sup>89</sup> Akaun simpanan ini menggunakan prinsip syariah *al-wadī'ah yad qamānah*. Pulangan dalam bentuk *hibah* akan diberikan kepada pelanggan atas budi bicara BMMB selain itu juga pelanggan boleh memohon kad ATM MEPS<sup>90</sup> untuk memudahkan urusan transaksi.

c) Akaun Pelaburan *Mudarabah* am (GIA). Akaun pelaburan yang berprinsipkan *al-muḍārabah*<sup>91</sup> dengan melibatkan dua pihak iaitu pemodal dan pengusaha. Pemodal sanggup melaburkan sejumlah wang untuk melakukan sesuatu projek yang akan membawa keuntungan. Keuntungan yang bakal diperolehi ini akan dibahagikan di antara pemodal dan pengusaha seperti yang telah dijanjikan sebelum bermulanya sesuatu projek itu. Pemodal tidak akan campur tangan di dalam pentadbiran akan tetapi boleh memantau projek tersebut.<sup>92</sup>

d) Akaun Khas *al-Mudarabah* (GIA). Akaun ini juga berprinsipkan *al-muḍārabah*. Pemodal meletakan sejumlah wang dengan tujuan mendapat keuntungan daripada pihak bank.

<sup>88</sup> Brosur BMMB, ‘Akaun Simpanan al-Wadiyah’, BMMB, Kuala Lumpur.

<sup>89</sup> Brosur BMMB, Akaun Simpanan al- Wadiyah, BMMB, Kuala Lumpur.

<sup>90</sup> Merupakan kad yang dapat memberi kemudahan pengeluaran wang tunai sehingga RM 1000.00 sehari, ianya menggunakan cip jalur magnetik yang diperbuat dari Perancis dan keselamatannya adalah terjamin dalam menawarkan fleksibiliti urusniaga. Bayaran Caj RM1 dikenakan bagi setiap pengeluaran yang berjaya di lakukan di mana-mana rangkaian ATM MEPS. Lihat. BIMB Holdings Berhad, Laporan Tahunan 2000, h. 17.

<sup>91</sup> M.N Siddiqi (1982), *Islamic Approach To Money, Banking and Monetary Policy- A Review*, Leicester, United Kingdom: The Islamic Foundation, h. 10.

<sup>92</sup> M. Umer Chapra (1985), *Towards a Just Monetary System's A Discussion Of Money, Banking and Monetary Policy In The Light Of Islamic Teachings (Islamic Economics Series)*, Leicester United Kingdom: The Islamic Foundation, h. 165.

### 2.3.2.2 Pembiayaan (*Financing*)

Produk pembiayaan di BMMB telah dikemaskinikan dari semasa ke semasa agar menjadi lebih licin dalam perlaksanaan. Kebanyakan produk pembiayaan yang dianjurkan di BMMB lebih cenderung kepada prinsip syariah *al-istisnā'*.<sup>93</sup> Penulis akan menyenaraikan secara ringkas sebahagian besar daripada produk-produk pembiayaan yang ditawarkan di BMMB, antaranya adalah :

- a) Pembiayaan Perumahan BBA muamalah. Pembiayaan perumahan BBA muamalah yang dianjurkan oleh BMMB berkonseptan kepada *bay' bithaman ājil* iaitu bayaran secara tertangguh. BMMB akan membeli item (rumah) yang dikehendaki oleh pelanggan daripada penjual atau pemaju perumahan serta menjualkannya kepada pelanggan dengan bayaran secara tertangguh mengikut harga dan waktu yang telah dipersetujui oleh BMMB dan pelanggan.<sup>94</sup>
- b) Skim Pembiayaan Aset Tetap. BMMB menawarkan satu paket pembiayaan yang dinamakan skim pembiayaan aset tetap yang menggunakan prinsip BBA. Pembiayaan ini khas untuk pelanggan yang ingin mendirikan rumah kediaman atau membeli kilang/ ruang pejabat, mesin dan membeli hartanah.
- c) Pembiayaan Projek *istisnā'* Muamalah. Melalui pembiayaan projek *istisnā'* muamalah, BMMB akan membeli sesuatu barang atau sesebuah kontrak dengan harga kos (modal) kemudian menjualkannya semula

<sup>93</sup> *Istisnā'* adalah suatu perjanjian tempahan sesuatu barang seperti menempah sepasang kasut, rumah dan sebagainya. Hukumnya adalah harus di sisi syara'.

<sup>94</sup> Munawar Iqbal M.Fahim Khan (1981), *A Survey Of Issues And A Programme For Research In Monetary And Fiscal Economics Of Islam*, Jeddah, Sa'udi 'Arabia: International Centre For Research In Islamic Economics, King Abd al-'Aziz University, h. 38.

kepada pelanggan bersertakan campuran kos keuntungan (*al-murābahah*). Pembayaran ini boleh dibuat oleh pelanggan sama ada secara keseluruhan atau separuh bayaran progresif. Pembayaran ini tertakluk kepada keadaan kewangan pelanggan atau kontraktor yang mempunyai rekod yang cemerlang.<sup>95</sup>

d) Pembiayaan perumahan *isthisnā'* muamalah. BMMB akan membiayai pembayaran bagi rumah yang sedang dalam proses pembinaan kemudian menjualkan rumah tersebut kepada pelanggan dengan kos keuntungan (*al-murābahah*). Kadar keuntungan yang telah ditetapkan oleh BMMB adalah berpatut dan mendapat persetujuan dari dua pihak yang berakad sehingga berakhirnya tempoh pembayaran balik. Pelanggan akan dilindungi dengan pelan *mortgage takaful* semasa tempoh pembiayaan.

Selain daripada itu, terdapat juga skim pembiayaan muamalah (MEFIS),<sup>96</sup> pembiayaan aset tetap *istiṣnā'* muamalah dan pembiayaan perdagangan Islam yang akan dibincangkan secara mendalam oleh penulis kelak.

### 2.3.2.3 Lain-Lain Perkhidmatan

Perkhidmatan layan diri adalah termasuk dalam kategori perkhidmatan lain-lain di BMMB. Ia diwujudkan sama seperti perkhidmatan yang ada di institusi perbankan lain. Antara kemudahan perkhidmatan layan diri di BMMB ialah mesin deposit tunai yang dapat beroperasi secara automatik. BMMB juga menyediakan dispenser buku cek. Perkhidmatan ATM yang disediakan merangkumi seluruh negara demi memantapkan lagi sistem perbankan di

<sup>95</sup> Brosur BMMB, ‘Pembiayaan Projek Isthisna’ Muamalah’, BMMB, Kuala Lumpur.

<sup>96</sup> Brosur BMMB, ‘Skim Pembiayaan Pendidikan Muamalah’, BMMB, Kuala Lumpur.

BMMB. Perkhidmatan pertukaran wang asing juga dilaksanakan di BMMB untuk memenuhi permintaan pelanggan yang khususnya menggunakan khidmat produk pembiayaan perdagangan Islam. BMMB juga mengeluarkan cek pengembalaan muamalah (*muamalah travellers cheque*) bagi pelanggan yang ingin menjamin keselamatan wang mereka semasa dalam perjalanan ke luar negara.

Memandangkan status umur penubuhan BMMB yang masih baru dan dalam proses pelaksanaan, masih terdapat juga perkhidmatan yang tidak dapat disediakan seperti perkhidmatan *al-rahm*. Akan tetapi BMMB boleh dikelaskan sebagai sebuah institusi perbankan yang agak terkehadapan dari aspek kemudahan perkhidmatan layan diri agar setanding dengan arus globalisasi dunia.

Buat masa sekarang produk pembiayaan mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari semua pelanggan tidak kira Islam atau bukan Islam kerana kadar yang perlu dibayar oleh pelanggan kepada BMMB adalah jelas dan tiada kos tersembunyi dalam transaksi tersebut.<sup>97</sup>

### **2.3.3 PRODUK PEMBIAYAAN PERDAGANGAN ISLAM DI BMMB**

Pembiayaan perdagangan Islam di BMMB merupakan salah satu produk pembiayaan yang bergerak seiringan dengan arus perdana masa kini. Ia boleh

---

<sup>97</sup> Temubual dengan En Wan Rashidie Wan Rashid (Pegawai Eksekutif Kredit BMMB Batu 7 Shah Alam Selangor ), Jam 10.30 pagi. 24 Jan. 2003.

dikategorikan kepada 2 kategori iaitu, pembiayaan tempatan dan pembiayaan antarabangsa.<sup>98</sup>

BMMB telah memperkemaskan produk pembiayaan perdagangan Islam agar lebih kemas dan teratur pada tahun 1994.<sup>99</sup> Antara produk pembiayaan perdagangan Islam yang ditawarkan oleh BMMB adalah seperti berikut :

- 1) Dokumen kredit (*Document of credit*).
- 2) Jaminan perkapalan (*Shipping guarantee*).
- 3) Surat jaminan *al-kafalah* (*al-kafalah letter of guarantee (LG)* ).
- 4) Bil penerimaan secara Islam (*Islamic accepted bill (IAB)* ).
- 5) Pembiayaan modal kerja *al-murabahah* (*al-murabahah working capital financing (MWCF)* ).
- 6) Bil dalaman tanpa *ribā* untuk pengambilan dokumen (*Interest free inward bills for collection documentary*) (IFIBC) (DOC).
- 7) Bil kutipan keluar tanpa *ribā* (*Interest free outward bills for collection documentary*) (IDOBC) (DOC).
- 8) Pembiayaan kuasa beli bil tukaran wang Islam (*Islamic bill of exchange purchase (Authority to purchase)*) (IBEP)(AP).
- 9) Pembiayaan belian bil tukaran wang Islam (*Islamic bill exchange purchase documentary*) (IBEP)(DOC).
- 10) Pembiayaan semula kredit eksport Islam (*Islamic export credit refinancing scheme*) (IECR).

<sup>98</sup> Abul Hasan M. Sadeq, Ataul Huq Pramanik (1991), *Development and Finance In Islam*, Nik Mustapha b. Hj Nik Hasan (ed), UIA Petaling Jaya: Kuala Lumpur, h. 246.

<sup>99</sup> Produk pembiayaan perdagangan Islam di BMMB telah mendapat pengesahan daripada ahli-ahli perundungan syariah bahawa ianya tidak bercanggah dengan kehendak-kehendak prinsip syariah dan tidak bertentangan dengan hukum-hukum Islam pada 22 November 1994. Pengesahan ini telah ditanda tangani o'ch Pr. Madya Dr. Abdul halim Muhammad dan Dr. Ali Baharom. Temubual dengan En. Wan Rashidie Wan Rashid (Pegawai Eksekutif Kredit BMMB Batu 7 Shah Alam Selangor), Jam 10.30 pagi, 24 Jan 2003.

### 2.3.3.1 Dokumen Kredit (*Document of Credit*)

Surat kredit (*Letter of credit*) atau lebih dikenali dengan dokumen kredit (*document of credit*) di BMMB merupakan salah satu produk pembiayaan perdagangan Islam yang dilaksanakan di BMMB. Dokumen kredit ini telah lama wujud dalam tamadun Islam yang dikenali dengan nama *al-suftajah*.<sup>100</sup>

DC disediakan oleh BMMB sebagai satu kemudahan untuk sesuatu pembelian tempatan dan luar negeri seperti pembelian bahan mentah dalam jangka masa yang pendek. DC ini tertakluk kepada Akta Perseragaman Kastam Dan Latihan (Pindaan 1983) (*Uniform Customs and Practice 1993*) yang telah dibuat oleh Dewan Perdagangan Antarabangsa (cetakan 500) (*International Chamber of Commerce*) sebagai tambahan kepada Akta Kawalan Pertukaran Matawang Malaysia 1953 (*Exchange Control Act of Malaysia 1953*).

DC di BMMB terbahagi kepada tiga jenis seperti juga yang terdapat di BIMB, iaitu :

- 1) DC *al-wakalah* (DCW)
- 2) DC *al-murabahah* (DCM)
- 3) DC *al-musharakah* (DCM)

---

<sup>100</sup> Sheikh Ghazali Sheikh Abod (1991), *Pengurusan Perniagaan Islam*, Mohd Azmi Omar(ed.), Hizbi: Kuala Lumpur, h. 413. Menurui Ibn Taimiyah yang dimaksudkan dengan *al-suftajah* ialah, apabila seseorang tersebut meminjamkan wang, wang yang dipinjam tersebut akan di bayar di sesebuah daerah yang berlainan bukan dari daerah yang dipinjamnya pada asal. Sila Rujuk. A.A Islahi (1997), *Konsepsi Ekonomi Ibnu Taimiyah*, H. Anshari Thayib (Terj.), Surabaya, Indonesia: Pt. Bina Ilmu, h. 170.

#### **2.6.1.1 Dokumen Kredit *al-Wakalah* (DCW)**

*al-Wakālah* merujuk kepada perlantikan seseorang untuk melakukan sesuatu urusan buat diri pelantik (pelanggan). Pelanggan dikehendaki meletakkan sejumlah wang ke dalam akaun simpanannya<sup>101</sup> berdasarkan harga barang yang hendak dibeli/import. Ini kerana BMMB tidak akan membiayai pelanggan dengan dana bank, akan tetapi BMMB bertindak sebagai wakil dalam membuat pembayaran bagi pihak pelanggan. BMMB akan menerima wang tersebut di bawah prinsip *al-wadī'ah yad damānah..*

BMMB akan mengeluarkan DCW apabila menerima perjanjian atau dokumen yang telah disahkan melalui pembayaran kepada bank perunding dengan menggunakan deposit pelanggan. Bank pesuruh (BMMB) akan membayar kepada bank perunding jumlah keseluruhan DCW tersebut. Kesemua *caj perkhidmatan*<sup>102</sup> seperti yuran, komisyen, duti setem dan caj penggunaan telefon serta telax dikenakan atas dasar *al-ajr*<sup>103</sup> akan dipungut oleh BMMB.

Dalam Sistem Perbankan Islam di BMMB Pelanggan akan menerima Voucher dan penyata akaun dalam setiap urusan DCW, ini berbeza dengan sistem konvensional yang mana pelanggan tidak dimaklumkan akan hal yang demikian.

<sup>101</sup> Pelanggan hendaklah menyimpan wang tersebut dalam akaun Pelaburan Am *Mudarabah GIA* atau akaun *al-wadī'ah*.

<sup>102</sup> Merupakan jumlah yang kecil untuk perbelanjaan persiapan pinjaman, peminjam akan membayar jumlah yang kecil untuk perkhidmatan tersebut. Rujuk. Munawar Iqbal, M.Fahmi Khan (1981), *op.cit.*, h. 37.

<sup>103</sup> Radiah Abd. Kadir (2001), *Ekonomi Islam*, Univision Press Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur, h. 156.

BMMB juga menggunakan kiraan tukaran wang asing dengan kadar yang relevan.<sup>104</sup>

Antara dokumen yang diperlukan oleh BMMB untuk memudahkan urusan DCW dengan pelanggan ialah :

- 1) Permohonan untuk kemudahan pembiayaan perniagaan (*Application for business financing facility*)
- 2) Maklumat penjamin (*Particulars of guarantor*)
- 3) Surat tawaran (*Letter of offer*)
- 4) Surat imbangan kelas pertama (*Letter of set off first party*)
- 5) Surat imbangan kelas ketiga (*Letter of set off third party*)
- 6) Permohonan dokumen kredit yang muktamad (*Application for irrevocable DC*)
- 7) Bil kenyataan buat pelanggan (*Memo of bill to customer*)
- 8) Permohonan untuk dokumen kredit muktamad yang telah diubah suai (*Application for amendment irrevocable DC*)
- 9) Borang P (*Form P*)

Apabila pelanggan memohon DCW dari BMMB, pihak BMMB peringkat cawangan akan memproses permohonan pelanggan berserta dengan keistimewaan yang telah dipersetujui berdasar kepada polisi pembiayaan muamalah. BMMB cawangan seterusnya diminta oleh ibu pejabat agar menyerahkan kesemua dokumen tersebut ke ibu pejabat untuk di proses. BMMB

---

<sup>104</sup> Kadar Relevan yang dimaksudkan ini ialah melalui Penjualan Overdraft atau Kadar kontrak.

cawangan akan mengemukakan surat tawaran (*letter of offer*) kepada pelanggan untuk dipersetujuinya.

Pelanggan seterusnya akan menyemak serta menyerahkan kembali borang permohonan untuk kemudahan pembiayaan perniagaan (*application for business financing*) untuk pengesahan tandatangan, serta memastikan had dan syarat-syarat yang telah dikenakan oleh BMMB sebelum pelanggan mengesahkan DCW tersebut.

Pelanggan diminta memasukan jumlah wang deposit sebanyak 100 % nilai pembiayaan bersama dengan caj sampingan<sup>105</sup> seperti komisyen, telefon, surat menyurat dan stem duti kedalam akaun BMMB. Sekiranya pelanggan memasukan wang mereka di dalam akaun pelaburan *mudārabah* maka pelanggan dikehendaki untuk menandatangani *letter of set-off*.<sup>106</sup> Sekiranya pelanggan meminta perubahan di dalam tarikh luput dan kenaikan atau penurunan dalam jumlah, BMMB hendaklah merekodkannya secara detail dengan menggunakan borang caj kredit (*amendment to documentary credit*.)

Pembayaran kepada benefisiari<sup>107</sup> atau bank benefisiari akan dilakukan dengan menggunakan draf bank, cek bank atau melalui titian wang secara

<sup>105</sup> Merupakan kadar caj sampingan yang dikenakan oleh BMMB kepada pelanggan, komisyen yang minimum ialah sebanyak RM50.00 mengikut peraturan AIBIM, caj lain-lain seminimum RM 10.00 dan caj menggunakan telex & SWIFT paling minimum RM10.00. Rujuk Pembiayaan Perdagangan Islam Surat Kredit. <http://www.muamalat.com.my/tloc.html>, 23 Nov 2003.

<sup>106</sup> *Letter of Set-Off* ini hendaklah di stem dutikan sebanyak RM 3.00, Kesemua dokumen pertukaran ini di catat oleh pihak BMMB.

<sup>107</sup> Merupakan pengeksport yang berhak menerima pembayaran apabila dokumen tersebut itu diserahkan kelak.

antarabangsa. Perkhidmatan ini dikenakan caj kepada pelanggan dengan cara penolakan wang tersebut dari akaun pelanggan oleh BMMB.

Pembayaran yang dilakukan di BMMB mengikut kadar tukaran wang asing. Borang P mestilah ditandatangani oleh pelanggan atau oleh bank pemaklum<sup>108</sup> mengikut Akta Tukaran Asing Malaysia 1951 (*Exchange Control Act of Malaysia 1951*) untuk sebarang pembayaran dari luar negara ke dalam nilai ringgit Malaysia yang melebihi RM 50,000.00.

#### **2.2.2.1.3 Dokumen Kredit *al-Murabahah* (DCM)**

Dokumen kredit *al-murabahah* merujuk kepada penjualan semula barang yang ditambah dengan sedikit keuntungan seperti yang telah dipersetujui oleh penjual dan pembeli. Di dalam perjanjian tersebut menerangkan secara terperinci tentang harga barang yang dibeli, kos sampingan dan margin keuntungan dengan jelas dan nyata.

BMMB menyediakan kemudahan DC *murabahah* kepada pelanggan untuk memudahkan urusan pembiayaan bagi pelanggan yang menghadapi masalah kewangan. BMMB memainkan peranan yang penting dalam urusan pembelian, BMMB akan membeli / mengimport bagi pihak pelanggan, bank akan membayar harga barang tersebut kepada benefasari / bank pemaklum dengan menggunakan dana BMMB terlebih dahulu. Pelanggan akan menanggung segala kos perkhidmatan dan pembelian serta membeli semula barang tersebut

---

<sup>108</sup> Ataupun dikenali sebagai bank pemaklum adalah bank yang menerima DC daripada bank penerbit untuk diserahkan kepada beneficiari.

daripada BMMB di bawah prinsip syariah *al-murābahah* mengikut syarat yang telah dipersetujui bersama. Antara dokumen-dokumen yang digunakan di dalam urusan DC *murabahah* adalah seperti berikut :

- 1) Permohonan untuk kemudahan pembiayaan perniagaan (*application for business financing facility*)
- 2) Maklumat penjamin (*particulars of guarantor*)
- 3) Surat tawaran (*letter of offer*)
- 4) Surat imbangan kelas pertama (*letter of set off first party*)
- 5) Surat imbangan kelas ketiga (*Letter of set off third party*)
- 6) Permohonan dokumen kredit yang muktamad (*Application for irrevocable DC*)
- 7) Permohonan untuk pengubahsuaian kredit (*Application for amendment DC*)
- 8) Penyata kepada pelanggan (*Memo of bill to customer*)
- 9) Borang P (*Form P*)
- 10) Surat *hypothection* (*Letter of hypothecation*)
- 11) Pertukaran sola (*Sola of exchange*)

Apabila pelanggan memohon DC *murabahah* daripada mana-mana cawangan BMMB, BMMB cawangan akan memproses permohonan tersebut dan akan menyerahkan kepada ibu pejabat untuk mendapatkan kelulusan. Setelah mendapat persetujuan daripada ibu pejabat, BMMB cawangan akan mengeluarkan surat tawaran (*letter of offer*) kepada pelanggan. Seterusnya pelanggan akan mengisi borang permohonan untuk kemudahan pembiayaan perdagangan (*application for business financing*) serta menyerahkannya kepada

BMMB untuk disahkan.<sup>109</sup> BMMB juga mengarahkan kepada pelanggan agar mengisi borang permohonan dokumen kredit yang muktamad dan borang permohonan untuk pengubahsuaian dokumen kredit (*application for irrevocable documentary credit & application for amendment to irrevocable document credit*) agar dapat memudahkan permindahan wang pelanggan yang sedia ada di dalam akaun untuk perkhidmatan komisyen, proses pos, penggunaan telax, pembayaran duti stem dan lain-lain perkhidmatan yang terlibat sama.<sup>110</sup>

Benefasari melalui bank pemaklum akan menyerahkan kesemua dokumen yang berkaitan<sup>111</sup> kepada bank pengeluar kredit<sup>112</sup> agar dibayar oleh bank pembayar.<sup>113</sup> *Memo of bill to customer* akan disediakan oleh bank pembayar yang menyatakan bahawa bank telah mendapat bil untuk dibuat pembayaran bagi pihak pelanggan. Pelanggan hendaklah menyerahkan dokumen *letter of hypothecation*,<sup>114</sup> dokumen *sola of exchange* dan juga dokumen *al-murābahah*<sup>115</sup> untuk memudahkan urusan pembayaran kepada benefasari. Bank pembayar akan membuat pembayaran kepada benefasari atau kepada bank pemaklum melalui draf bank, cek bank ataupun titian wang antara bank.

---

<sup>109</sup> BMMB akan mengesahkan kesemua dokumen tersebut seperti tanda tangan pelanggan, had kredit yang dibenarkan, syarat-syarat yang dikenakan serta kelulusan bagi DC *Murābahah* tersebut.

<sup>110</sup> Kesemua caj liabiliti ini akan di rekodkan secara relevan dan detil didalam DC Register

<sup>111</sup> Dokumen yang berkaitan seperti, bil pertukaran, inbois jualan, pesanan penghantaran dan lain lain lagi.

<sup>112</sup> Bank pengeluar kredit merupakan bank yang menerbitkan atau mengeluarkan DC kepada pemohon.

<sup>113</sup> Bank pembayar ialah bank yang dilantik oleh bank pengeluar kredit untuk menyediakan pembayaran kepada bank perunding dalam urusan rundingan yang berdasarkan syarat-syarat kredit.

<sup>114</sup> Hendaklah diisi dalam 2 salinan dan di tanda tangani oleh pelanggan. Dokumen ini juga hendaklah distem dutikan sebanyak RM 3.00 dan salinan kedua diserahkan kepada pelanggan sebagai penyata amaun yang perlu dijelaskan.

<sup>115</sup> Di tanda tangani oleh pelanggan dan dialamatkan kepada bank pembayar untuk mendapat pengesahan dari bank tersebut.

Terdapat dua cara yang digunakan oleh BMMB untuk menentukan kadar *al-murābahah*, pertama ditentukan kadar *al-murābahah* berdasarkan apa yang terkandung di dalam *letter of offer*,<sup>116</sup> keduanya kadar *al-murābahah* ditentukan pada hari pembiayaan *al-murābahah* itu dilaksanakan, seperti contoh :

DC dalam kadar US dollar	:	15,000.00 USD
Murabahah tenor	:	90 hari
Margin keuntungan	:	9 %
Kadar tukaran matawang	:	3.83RM = 1 USD
Tarikh urusniaga	:	1 /01 / 2003

$$\text{USD } 15,000.00 \times \text{RM } 3.83 = \text{RM } 57450.00$$

Formula yang digunakan adalah :

$$SP = C \left[ \frac{(R \times T)}{36500} + 1 \right]$$

Petunjuk :  $SP = \text{Harga jualan BMMB kepada pelanggan}$

$C = \text{Harga barang yang hendak dibayai}$

$R = \text{Kadar keuntungan tahunan}$

$T = \text{Tenor (waktu)}$

$$= \text{RM } 57450.00 \left[ \frac{(9 \times 90)}{36500} + 1 \right]$$

<sup>116</sup> Kadar ini kebiasaannya lebih rendah dan lebih realistik diberikan kepada pelanggan korporat dan urusniaga yang besar sahaja.

= RM 58725.00-57450.00 = RM 1275.00

= Keuntungan yang diperolehi oleh BMMB : RM 1275.00

### 2.3.3.1.3 Dokumen Kredit *al-Musharakah* (DCM)

Dokumen kredit *al-musharakah* adalah dokumen yang merujuk kepada perkongsian atau *joint venture* untuk melakukan sesbuah urusniaga yang bermatlamatkan keuntungan. Pembahagian keuntungan daripada perniagaan tersebut dikira ketika perjanjian dimetrai. Sekiranya berlaku kerugian di dalam perniagaan tersebut kedua belah pihak yang terlibat dalam transaksi ini akan berkongsi kerugian tersebut berdasar ekuiti yang telah dilaburkan.

Terlebih dahulu pelanggan hendaklah memohon kemudahan pembiayaan DC *musharakah* daripada BMMB. Memandangkan DC *musharakah* merupakan satu bentuk perkongsian maka pelanggan dan BMMB hendaklah bersetuju terlebih dahulu tentang keuntungan yang bakal diperolehi mengikut perjanjian yang akan dimetrai. Cawangan BMMB akan memproses permohonan pelanggan dan akan menyerahkannya kepada ibu pejabat untuk dibuat semakan. Setelah ibu pejabat berpuas hati dengan permohonan tersebut, BMMB cawangan akan mengeluarkan surat tawaran (*letter of offer*) kepada pelanggan. Seterusnya pelanggan akan menandatangi perjanjian DC *musharakah*<sup>117</sup>.

---

<sup>117</sup> Merangkumi *mushārakah DC Agreement* dan *Application For Business Financing*.

BMMB akan mengesahkan kesemua dokumen tersebut dan mengarahkan pelanggan agar memasukan sejumlah wang kedalam akaun BMMB dengan nilai barang yang hendak dibeli di bawah perjanjian *al-mushārakah*. BMMB akan menerima simpanan pelanggan tersebut di bawah prinsip *al-wadī'ah yad dāmānah* atau di bawah prinsip *al-muḍārabah* (GIA). Sekiranya terdapat sebarang perubahan di dalam borang permohonan (*application form*), pelanggan hendaklah mengisi borang perubahan<sup>118</sup> dan akan melalui prosedur yang sama seperti di atas. BMMB akan membayar sejumlah wang kepada benefisiari atau bank pemaklum dengan menggunakan deposit yang telah dimasukan oleh pelanggan dan sejumlah dana BMMB sendiri<sup>119</sup>. Setelah selesai urusniaga tersebut, pelanggan akan membayar kembali dana BMMB bersama dengan keuntungan daripada urusniaga tersebut.

BMMB akan mengambil komisyen bagi setiap perkhidmatan DC yang dibiayainya di antara jenis-jenis komisyen yang dikenakan kepada pelanggan adalah seperti berikut :

- 1) Komisyen pengeluaran DC. Setiap pengeluaran DC *al-wakalah*, *al-musharakah* dan *al-murabahah* oleh BMMB akan dikenakan komisyen sebanyak 0.1 % ke atas sebulan. Ia tertakluk kepada keputusan BMMB sepertimana yang tertera di dalam surat tawaran (*letter of offer*) yang telah ditawarkan buat pelanggan.

---

<sup>118</sup> Pelanggan hendaklah mengisi borang-borang tersebut 1) *Application for irrevocable DC mushārakah*, 2) *Application for amendment DC mushārakah* dan 3) *Application forms for al-Wadī'ah or al- Mudārabah* sekiranya terdapat pertukaran atau perubahan keterangan DC *Mushārakah*.

<sup>119</sup> Kebiasaan pelanggan akan mengeluarkan modal sebanyak 70% daripada harga barang yang hendak dibeli manakala BMMB akan mengeluarkan sebanyak 30% sahaja.

Contoh pengiraan komisyen pengeluaran DC (tempatan) untuk tiga bulan :

$$\begin{aligned} &= \text{RM } 20,000.00 \times 0.1\% \times 3 \text{ Bulan} \\ &= \frac{\text{RM } 20,000.00 \times 1 \times 3}{1000} \\ &= \text{RM } 60.00 \end{aligned}$$

Contoh kiraan bagi DC (luar negara) untuk tiga bulan :

$$\begin{aligned} &= \text{USD } 15,000.00 \times 3.83 = \text{RM } 57450.00 \\ &= \text{RM } 57450.00 \times 0.1\% \times 3 \text{ Bulan} \\ &= \text{RM } \frac{57450.00 \times 1 \times 3}{1000} \\ &= \text{RM } 172.35 \end{aligned}$$

- 2) Komisyen perubahan DC. Perubahan DC ini biasanya berlaku disebabkan oleh pertambahan jumlah amaun (*increase in DC amount*), perlanjutan waktu dari tempoh yang telah ditetapkan (*extension on the expiry date of DC*) atau kedua-duanya sekali pada satu masa (*amount increased and validity date extended*)<sup>120</sup>.
- 3) Stem cukai. Stem cukai ini hendaklah dilekatkan pada borang permohonan atau DC *application form* yang bernilai sebanyak RM 3.00.
- 4) Surat-menjurat. Ini bergantung kepada kadar penggunaan. Memandangkan semua DC ini penting maka penggunaan surat berdaftar lebih kerap digunakan oleh BMMB.
- 5) Telefon dan SWIFT. Bergantung keatas penggunaan. Setelah DC tersebut diluluskan, komisyen akan diambil daripada pelanggan. komisyen yang telah

---

<sup>120</sup> BMMB mengenakan komisyen dan kadar perubahan caj sebanyak RM 50.00 paling minimum.

dipungut oleh pihak bank tidak akan dipulangkan semula kepada pelanggan sekiranya berlaku pembatalan di dalam transaksi tersebut.

### 2.3.3.2 Jaminan Perkapalan *al-Kafalah* (*Shipping Guarantee al-Kafalah* (ISG))

Jaminan perkapalan *al-kafalah*<sup>121</sup> atau *al-damānah* merupakan suatu dokumen yang dipersetujui oleh pelanggan untuk diberikan kepada syarikat perkapalan. Jaminan perkapalan digunakan sebagai kebenaran untuk mengeluarkan barang yang di import oleh pembeli setelah barang tersebut sampai di pelabuhan.<sup>122</sup> Pelanggan terpaksa mengeluarkan barangannya dengan segera kerana kadar bagi sewaan gudang di perlabuhan agak mahal dan untuk mengelakan daripada berlakunya kerosakan atau kehilangan barang di perlabuhan. Jaminan perkapalan ini membolehkan pelanggan menerima barang di pelabuhan tanpa menyerahkan dokumen-dokumen yang diperlukan.<sup>123</sup> Perkhidmatan ini ditawarkan kepada pelanggan yang tertentu<sup>124</sup> sahaja kerana risiko yang akan ditanggung oleh pihak BMMB adalah besar. BMMB akan

<sup>121</sup> Merupakan jaminan yang diberi kepada pemilik, agen, pencater atau nakhoda kapal bagi penyerahan barang tanpa dokumen hak milik barang tersebut (bil muatan). Jaminan tersebut ditandatangani oleh bank pengimport. Dengan menandatangani surat jaminan tersebut, pembeli boleh mendakwa yang beliau adalah pemilik barang tersebut dan dapat melindungi pihak-pihak terbabit dari sebarang liabiliti. Lihat Kamus Perbankan (1998), *op.cit.*, Hal.40.

<sup>122</sup> Ianya sebagai gantian dokumen perkapalan untuk membolehkan pengimport mendapatkan barang daripada syarikat perkapalan. Jaminan perkapalan ini juga berfungsi sebagai satu nota janji untuk menyerahkan bil muatan apabila diterima kelak. Rujuk Abdul Ghafar Ismail dan Surathman Kastin Hasan (1993), *Bank Perdagangan di Malaysia Struktur dan Pengurusan Dana*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 64 & 65.

<sup>123</sup> Kebiasaannya setiap penyerahan barang oleh syarikat perkapalan mestilah disertai dengan dokumen-dokumen perkapalan yang tertentu seperti bil muatan serahan (*bill of lading*). Bil ini juga mengesahkan bahawa pelanggan tersebut merupakan pemilik dan tuan punya yang sah terhadap barang tersebut.

<sup>124</sup> Pelanggan yang mempunyai kemudahan wang dan yang sedia mengeluarkan cagaran dalam bentuk tunai sahaja atau sekuriti-sekuriti yang lain. Rujuk. *Ibid.*, h. 70.

mengenakan komisyen ke atas pelanggan bergantung kepada jumlah yang dijamin oleh BMMB.

Pelanggan yang inginkan perkhidmatan ini mestilah menyerahkan dokumen-dokumen tersebut kepada BMMB untuk diproses, antaranya ialah :

- 1) Permohonan untuk tandatangan balas jaminan perkапалан (*Application to countersign shipping guarantee*). Permohonan ini hendaklah ditandatangani oleh pelanggan dalam 2 salinan.
- 2) Surat untuk menanggung kerugian (*Letter of indemnity*). Surat ini akan diserahkan tanpa *bill of lading*<sup>125</sup> dan disahkan juga dalam salinan.
- 3) Salinan bil muatan tidak boleh runding (*Non-negotiable copy of bill of lading*).
- 4) Surat *hypotheсation* (*Letter of hypothecation*)
- 5) *Sola of exchange*
- 6) Daftar jaminan perkапалан yang telah dikeluarkan (*Register of shipping guarantees issued*)
- 7) Deposit ke atas daftar jaminan perkапалан (*Deposit against shipping guarantees register*)

BMMB akan memaklumkan kepada pelanggannya tentang syarat-syarat yang akan dikenakan termasuklah had yang diperkenankan untuk mendapat kelulusan. BMMB juga akan menyemak segala maklumat yang terdapat di dalam permohonan untuk tandatangan balas jaminan perkапалан (*application to*

---

<sup>125</sup> Terdiri daripada 3 kriteria, iaitu : Menerangkan kandungan kargo dan keadaan kargo (barang) semasa dimuatkan untuk belayar, mengandungi tarikh pelayaran, merupakan bil boleh runding yang boleh di endoskan oleh pemilik kepada penerima. Rujuk. Shri D.P Gupta (1987), *Bank Documentation and Execution*, India: UDH Publishers, h. 481.

*countersign shipping guarantee* dan *letter of indemnity*). Sekiranya tiada kesilapan didalam permohonan tersebut BMMB akan menerima surat tanggungan kerugian (*letter of indemnity-delivery*) tanpa bil muatan (*bill of lading*) dalam bentuk salinan. BMMB juga akan menyerahkan dokumen asal (*letter of indemnity-delivery*) kepada pelanggan untuk diberikan kepada agen perkapalan. Seterusnya agen perkapalan ini akan mengambil barang pelanggan di pelabuhan sementara menunggu dokumen import dari luar negara tiba ke tangan pelanggan.

BMMB akan mengenakan komisyen 0.1% untuk inbois yang matangnya selama tiga bulan. Sekiranya surat jaminan perkapalan tersebut tidak dikembalikan semula kepada BMMB selepas tiga bulan, maka BMMB akan mengenakan komisyen tambahan terhadap pelanggan sebanyak 0.5%.<sup>126</sup> Duti stem turut dikenakan sebanyak RM 3.00 bagi setiap permohonan tandatangan balas jaminan perkapalan dan surat untuk menanggung kerugian tanpa bil muatan (*application to countersign* dan *letter of indemnity-delivery without bill of lading (S/G)*) setiap satu.

### **2.3.3.3 Surat Jaminan *al-Kafalah* (*al-Kafalah Letter of Guarantee*)**

Surat jaminan *al-kafalah* yang diamalkan di BMMB ini menggunakan prinsip syariah *al-kafalah*. Produk ini juga tergolong di dalam pembiayaan perdagangan Islam di BMMB, terdapat beberapa jenis surat jaminan yang

---

<sup>126</sup> Bank Muamalah Malaysia Berhad. <http://www.muamalat.com.my/tkafalahs.html>. 23 Nov 2002.

diterbitkan oleh BMMB.<sup>127</sup> Bagi pelanggan yang iginkan kemudahan ini, BMMB telah mensyaratkan agar pelanggannya meletakkan sejumlah wang deposit dalam akaun deposit berlandaskan prinsip *al-wadī'ah*, sekiranya berlaku sebarang kerugian atau keingkaran dalam melaksanakan tugas di pihak benefisiari, beliau berhak menuntut ganti rugi tersebut dari pihak bank penjamin di bawah prinsip *al-makful 'anhu*. Sekiranya pelanggan meletakkan 100% deposit untuk mendapatkan khidmat LG ini dan pada akhir transaksi tersebut terdapat perubahan serta pembatalan LG, maka BMMB hendaklah memulangkan baki simpanan pelanggan tersebut. Kebiasaannya jaminan ini tidak boleh melebihi 1 tahun, melainkan jaminan kontrak kerajaan.

BMMB turut mengenakan beberapa syarat tambahan kepada pelanggan yang memohon perkhidmatan ini, iaitu surat jaminan ini hendaklah disahkan dan dipersetujui oleh dua atau lebih pegawai di cawangan BMMB tersebut (salah seorang daripada mereka hendaklah pegawai kelas satu).

#### 2.3.3.4 Bil Penerimaan Secara Islam (*Islamic Accepted Bill (IAB)*)

Bil penerimaan secara Islam (*Islamic accepted bill (IAB)*) merupakan salah satu daripada instrumen kewangan Islam yang menyerupai kemudahan penerimaan jurubank (*bankers acceptance*), IAB ini berlandaskan kepada konsep

<sup>127</sup> Antara jenis jaminan yang ditawarkan di BMMB adalah : 1) Jaminan tender, 2) Jaminan kontrak/penampilan, 3) Jaminan kredit/pengedar, 4) Bon kastam, 5) Jaminan pengecualian daripada duti kastam, 6) Jaminan pendahuluan pembayaran dari Bank sebanyak 15% oleh kerjaan kepada kontraktor yang melakukan kontrak kerajaan, 7) Jaminan untuk mengekalkan lejar /akaun dan 8) Jaminan penghargaan cek.

syariah *al-murābahah* dan *bay' al-dayn*.<sup>128</sup> Secara amnya IAB boleh dibahagikan kepada dua bahagian :

- 1) Pengsecuritian dan bil penerimaan Islam import (IAB-import)  
(*Securitisation and Islamic accepted bill*).<sup>129</sup>
- 2) Pengsecuritian dan bil penerimaan eksport (IAB-export)  
(*Securitisation and export financing*).<sup>130</sup>

BMMB akan membiayai pelanggan sehingga 100% daripada harga kos. Jumlah minimum yang dibiayai oleh BMMB adalah sebanyak RM. 30,000.00 dan waktu yang paling minimum untuk pembiayaan tersebut selama 21 hari.<sup>131</sup>

#### **2.3.3.5 Pembiayaan Modal Kerja Murabahah (*Murabahah Working Capital Financing-MWCF*)**

Pembiayaan modal kerja *al-murabahah* atau dikenali dengan MWCF merupakan pembiayaan jangka pendek yang ditawarkan oleh BMMB. *al-Murābahah* ialah penjualan barang kepada pelanggan dicampurkan dengan sedikit keuntungan yang diketahui oleh kedua-dua pihak yang berakad.<sup>132</sup>

<sup>128</sup> Abd. Mu'min Abd. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 273.

<sup>129</sup> Penggunaan IAB ini dikhaskan untuk import dan pembelian domestik yang menggunakan prinsip syariah *al-murābahah*. Pada kebiasaanya pihak bank akan membiayai harta tetap sahaja. bank akan melantik pelanggan sebagai agen bank untuk membeli barang yang dikehendaki pelanggan. Bank akan menggunakan dana sendiri untuk membuat pembayaran terlebih dahulu dan menjualkannya kembali kepada pelanggan dengan harga tambahan (*mark up-price*). Pelanggan akan membuat pembayaran secara tertangguh sehingga tarikh matang. Untuk mendapatkan kemudahan kredit penerimaan dengan bank pelanggan boleh menyerahkan dokumen yang berkaitan agar bank dapat mengeluarkan IAB. Hutang tersebut boleh disekuritikan mengikut prinsip *bay' al-dayn* dalam bentuk bil pertukaran.

<sup>130</sup> Ianya diasaskan dibawah prinsip syariah *bay' al-Dayn*. Pengeksport hendaklah menyediakan dokumen-dokumen eksport seperti yang dikehendaki oleh bank dalam kontrak jualan atau menyediakan LC untuk memudahkan urusanjaga tersebut.

<sup>131</sup> Bank Muamalah Malaysia Berhad. <http://www.Muamalat.com.my/tfaib.html> 23 Nov 2003.

<sup>132</sup> 'Abd Allah al-'Abbādi (Dr.) (1994), *Mawqif al-Shari'ah min al-Maṣārif al-Islāmiyyah al-Ma'āṣirah*, al-Qāhirah, Miṣr: Dār-salām li'l-Jibā'ati wa al-Nashr wa Tauzi', c. 2, h. 251. Lihat juga, Permasalahan Fiqh. <http://www.alislam.or.id/fiqh/arsip/00000015.html>. 21 Julai 2002.

Terdapat dua jenis MWCF yang ditawarkan kepada oleh BMMB kepada pelanggannya, iaitu:

- 1) Pembelian tempatan yang nyata (*Local purchases on "sight"*)<sup>133</sup>
- 2) Penjualan tempatan bertempoh (*Local sales on "usance"*<sup>134</sup>)<sup>135</sup>

BMMB menawarkan MWCF kepada pelanggan demi meningkatkan perniagaan pelanggan tersebut. Apabila pelanggan membuat permohonan untuk mendapatkan pembiayaan MWCF dari BMMB maka cawangan BMMB akan menyerahkan permohonan pelanggan tersebut kepada ibu pejabat untuk tujuan pemprosesan permohonan. Setelah ibu pejabat berpuas hati dengan permohonan tersebut, cawangan BMMB akan mengeluarkan surat tawaran '*Letter of offer*'

<sup>133</sup> Pelanggan bertindak sebagai agen pembeli kepada BMMB. Pembelian berbentuk bahan mentah akan dibeli oleh pelanggan bagi pihak BMMB. BMMB kemudiannya akan menjualkannya kembali kepada pelanggan dengan keuntungan yang diketahui oleh kedua belah pihak. Tempoh pembayaran balik wang pelanggan kepada BMMB tertakluk kepada syarat yang telah dipersetujui, sama ada 30, 60, 90 atau 180 hari bergantung kepada syarat MWCF.

<sup>134</sup> Bil *usance*, atau dalam bahasa Melayu unsan merupakan bil-bil yang belum dibayar yang diluluskan pada masa akan datang. Perkataan *Unsan* ialah masa yang dibenarkan untuk pembayaran. Tempohnya bermula dari tarikh penerimaan barang yang dipesan atau semasa ketibaan barang itu atau pada tarikh yang telah dinyatakan. Bil ini memberi perlindungan yang memuaskan kepada seseorang pengimpor dari segi kewangan urusniaga itu. Pelanggan/pengimpor tahu bahawa dia tidak akan diminta menjelaskan bayaran sehingga barang-barang itu telah sampai atau sedang dalam perjalanan dengan kapal. Sila Rujuk. Ibarahim Ismail (1989), *Urusniaga Basik*, c. 1, Kuala Lumpur : Golden Books Centre. Sdn. Bhd. H. 13 & 14.

<sup>135</sup> MWCF pula merupakan gabungan *al-murâbahah* dengan prinsip Islam yang lain iaitu: 1) Gabungan *al-murâbahah* dengan *bay' al-dayn*. Apabila pelanggan BMMB menjual barang kepada pelanggan ketiga secara kredit, selepas beberapa ketika pelanggan pertama dapat beliau memerlukan wang dengan segara maka pelanggan pertama akan meminta bantuan dengan BMMB untuk menjualkan sijil hutang dengan harga yang kurang dari harga jualan sijil hutang kepada pelanggan ketiga, BMMB akan membeli sijil tersebut dan akan mendapat jumlah penuh dari pelanggan ketiga apabila matang sijil hutang tersebut. 2) Gabungan *al-murâbahah* dengan *bay' al-salam*. BMMB akan membeli barang yang diingini oleh pelanggan secara tunai dan penyerahan barang tersebut ditangguhkan sehingga kesatu masa yang ditetapkan. Penjualan balik barang tersebut kepada pelanggan akan dilakukan dengan prinsip *murâbahah*. 3) Gabungan *al-murâbahah* dengan *bay' al-Istiqnâ*. Pelanggan memohon pembiayaan dengan BMMB untuk pembelian bahan mentah sebelum pelanggan dapat mengeluarkan barang siap. BMMB akan memesan barang yang diingini pelanggan tersebut, apabila barang tersebut telah bersedia untuk dihantarkan, BMMB akan melantik pelanggan tersebut menjadi agen kepada BMMB dengan ini BMMB akan dapat menjual barang tersebut dengan cara *murâbahah* kepada pelanggan.. Temubual dengan Wan Rashidie Wan Rashid (Pegawai Eksekutif Kredit BMMB Batu 7 Shah Alam Selangor), Jam 10.30 pagi, 24 Jan 2003.

dan surat perjanjian 'MWCF agreement' kepada pelanggan untuk ditanda tangani di hadapan penasihat undang-undang (*solicitor*).

Pelanggan hendaklah mengisi kesemua dokumen dengan betul disertai dengan tandatangan oleh pihak pelanggan. Antara dokumen yang perlu diisikan oleh pelanggan adalah :

- 1) Surat pembiayaan modal kerja *murabahah* (*Letter of murabahah working capital financing*)
- 2) Kontrak perjanjian muamalah (*Muamalah contract note*)
- 3) Bil pertukaran (*Bill of exchange*)

BMMB cawangan kemudiannya akan meneliti kesemua dokumen tersebut serta mengira tempoh kematangan dengan betul. Kesemua maklumat yang relevan akan ditulis secara terperinci di dalam MWCF *Register* dan MWCF *Liability Register*. BMMB cawangan juga akan memaklumkan kepada ibu pejabat terlebih dahulu melalui telefon atau memo segala makluman MWCF secara teperinci.

Cawangan BMMB kemudiannya akan menghantar pengesahan MWCF kepada pelanggan yang mengandungi butiran seperti berikut :

- 1) Tarikh transaksi dijalankan (*Date of transaction*)
- 2) Harga jualan BMMB (*Bank's selling price*)
- 3) Harga belian dari BMMB (*Bank's purchase price*)
- 4) Keuntungan BMMB (*Bank's profit margin*)
- 5) Duti stem (*Stamp duty*)
- 6) Caj perkhidmatan BMMB (*Interbank/Cable charges*)

7) Jumlah tamat pada tarikh matang (*Amount due on maturity*)

8) Tenor

9) Tarikh luput (*Due date*)

Dokumen-dokumen tersebut hendaklah disimpan di tempat yang selamat agar tidak menimbulkan sebarang masalah kelak.

Sekiranya pembayaran yang dilakukan oleh pelanggan tersebut sebelum tempoh matang MWCF maka BMMB akan memberikan *muqasah* (rebate) seperti contoh :

Jumlah barang yang dibiayai = RM 100,000.00

Tenor = 90 hari

Margin keuntungan tahunan = 10%

Harga jualan = RM 102,465.76

Keuntungan oleh BMMB ialah = RM 2465.76

Sekiranya pelanggan ingin membuat pembayaran lebih awal dari tarikh 90 hari tersebut, seperti contoh pelanggan hendak membuat pembayaran dalam masa 60 hari, cara pengiraan untuk 60 hari adalah seperti berikut :

Formula :

$$SP = C \left[ \frac{(R \times T)}{36500} \right] + 1$$

Petunjuk :

SP = Harga jualan

C = Nilai barang yang dibiayai

R = Margin keuntungan tahunan

T = Tenor (waktu) pembiayaan

Contoh :

$$SP = 100,000.00 \left[ \frac{10 \times 60}{36500} = 1 \right]$$

= 100,00.00 (0.0164883)

= 101,643.83

Pelanggan juga berhak untuk mendapatkan rebat sebanyak:

RM.102,465.75 (harga jualan)- RM.101,643.83 = RM 821.92

Jumlah yang telah direbatkan sebanyak = RM 821.92

### **2.3.3.6 Bil Dalaman Tanpa *Ribā* Untuk Pengambilan Dokumen (*Interest Free Inward Bills for Collection (IFIBC) (DOC)*)**

Merupakan kemudahan kepada pelanggan untuk memohon pembiayaan perdagangan yang berjangka pendek berdasarkan kepada prinsip syariah *bay' al-dayn*.<sup>136</sup> Ibu pejabat akan menerima permohonan daripada BMMB cawangan atau agen bersama dengan dokumen kebenaran untuk membuat pungutan bil. Dokumen ini menyatakan tentang pembelian secara sah atau eksport yang mengandungi bil pertukaran (*Bill of exchange*), inbois, dokumen perkapalan (*shipping documents*) dan lain lain lagi.

Item untuk pengambilan dokumen ini ditentukan oleh undang-undang seragam untuk pungutan (Rujukan 1978) (*Uniform Rules for Collection* 1978). Undang-undang ini tertakluk di bawah Akta Perdagangan Antarabangsa No. 322<sup>137</sup> (*International Chamber of Commerce Publication* No. 322). BMMB akan mengenakan caj yuran dan komisyen bagi perkhidmatan yang dilakukan

<sup>136</sup> Produk-produk Perbankan BMMB, <http://muamalat.com.my/tfdoc.html> 23 Nov 2002.

<sup>137</sup> Sebagai tambahan dalam transaksi ini terdapat juga Akta Kawalan Tukaran Asing (1953), Peraturan ABM dan juga garis panduan BNM.

mengikut prinsip *al-ajr*. Terdapat dua jenis bil dalaman tanpa *ribā* untuk pengambilan dokumen, iaitu :

- 1) Bil kutipan masuk asing tanpa *ribā* (*Interest free foreign inward bills for collection documentary*) (IFIBC) (DOC).
- 2) Bil kutipan masuk domestik tanpa *ribā* (*Interest free domestic inward bills for collection documentary*) (IDIBC) (DOC).

Setelah penyerahan dokumen dan resit pungutan bil kepada pihak bank, pelanggan diberikan pilihan menentukan samada ingin menggunakan produk IDIBC atau IFIBC. BMMB hendaklah memastikan kesemua dokumen yang berkaitan dengan IFIBC & IDIBC yang terdapat dalam bil pungutan (*collection order*) dan kesemua dokumen ini hendaklah diserahkan untuk pengesahan. BMMB juga hendaklah memaklumkan kepada bank pembayar sekiranya terdapat dokumen yang tercicir.

Sekiranya di dalam transaksi IFIBC penggunaan matawang asing yang diurusniagakan, BMMB hendaklah menukar nilai matawang asing kepada RM mengikut kadar tukaran wang semasa. BMMB juga akan menyediakan bil kenyataan '*memo of bill*' bersama dengan salinan dokumen yang telah difotostat. Pelanggan akan membuat pembayaran setelah menerima '*Memo of bill*' daripada pihak bank. Kadar caj yang dikenakan oleh BMMB ialah 0.1 %. minimum sebanyak RM 5.00 dan maksimum sebanyak RM 100.00. Caj perkhidmatan lain juga dikenakan oleh BMMB seperti setem duti (yang dilekatkan pada sijil insuran) sebanyak RM 2.00 dan juga caj bagi urusan surat menyurat. Caj pembayaran yang dilakukan oleh pelanggan diambil oleh pihak BMMB hasil daripada penolakan dalam akaun pelanggan tersebut.

### **2.3.3.7 Bil Kutipan Keluar Tanpa *Ribā* (*Interest Free Outward Bills For Collection Documentary (IDOBC)(DOC)*)**

Salah satu lagi perkhidmatan yang ditawarkan oleh BMMB buat pelanggan ialah bil kutipan keluar tanpa *ribā*, BMMB memainkan peranan yang penting sebagai agen dalam urusan pengutipan dokumen.<sup>138</sup> Bank hanya mengambil keuntungan<sup>139</sup> daripada yuran dan caj yang dikenakan kepada pelanggan di bawah prinsip *al-ajr*.

Secara khususnya bil kutipan keluar tanpa *ribā* ini terbahagi kepada dua jenis iaitu :

- 1) Bil kutipan keluar domestik tanpa *ribā* - *Interest free domestic outward bill for collection* (IDOBC)
- 2) Bil kutipan keluar asing tanpa *ribā* - *Interest free foreign outward bill for collection* (IFOBC)

Pelanggan yang ingin mendapatkan perkhidmatan ini hendaklah menyerahkan surat arahan pelanggan '*customer letter of instruction*' bersama dengan bil pertukaran serta dokumen perdagangan yang lain seperti inbois,

<sup>138</sup> Antara dokumen yang terlibat ialah, bil pertukaran (*bill of exchange*), inbois, dokumen perkapalan (*shipping document*) dan lain-lain lagi yang mana kesemua dokumen ini akan dihantar kepada cawangan/agen untuk urusan pengutipan. Caj perkhidmatan akan dikreditkan dari akaun pelanggan yang berurusan.

<sup>139</sup> Sesetengah kitab-kitab fiqh membahaskan bahawa keuntungan yang sepatutnya diperolehi mestilah tidak melebihi harga asal barang tersebut ataupun 2/3 daripada harga barang jualan. Akan tetapi ketetapan ini tidak termaktub di dalam al-Qur'an mahupun al-Hadīth.; Rujuk. al- Sheikh 'Atiyyah Saqr (t.t), (Ketua Lajnah Fatwa al-Azhar), *Ahsan al-Kalām fī Fata'īwa wa Ahkām*, j. 3, Qāhirah, Miṣr: Dār al-Nashr al 'Arabi, h. 328.

dokumen pengankutan, sijil insuran dan lain-lain lagi kepada BMMB. Kesemua dokumen-dokumen tersebut akan dicop dan disahkan oleh pihak bank, sekiranya terdapat sebarang kesilapan teknikal di dalam dokumen tersebut, pihak bank akan membetulkannya dengan serta merta.

Setelah pelanggan menerima pembayaran, voucer liabiliti akan dihantar kembali kepada pelanggan dan akaun pelanggan akan dikreditkan oleh BMMB untuk pembayaran caj bank<sup>140</sup> dan juga mengenakan caj bagi agen pemungut. Sekiranya jumlah wang dari negara luar tersebut melebihi RM 10,000.00 keatas, pelanggan hendaklah mengisi borang ‘R’ untuk memudahkan urusan pihak bank dalam urusan penukaran wang asing ke dalam ringgit Malaysia.

#### **2.3.3.8 Pembiayaan Kuasa Beli Bil Tukaran Wang Islam (*Islamic Bill of Exchange Purchase (Authority to Purchase)(IBEP)(AP)*)**

Pembiayaan kuasa beli bil tukaran wang Islam ini mengamalkan prinsip syariah *bay’ al-dayn*. Ia merupakan pembiayaan jangka pendek yang ditawarkan oleh BMMB kepada pelanggan. pembiayaan kuasa beli bil tukaran wang Islam ini terbahagi kepada dua iaitu :

- 1) Pembelian kuasa beli bil tukaran wang asing Islam – *Islamic Foreign Bill of Exchange Purchase (Authority to Purchase) (IFBEP)(AP)*.

---

<sup>140</sup> BMMB mengenakan caj yang sewajarnya kepada pelanggan bergantung kepada arahan pemungutan. Komisyen IDOBC/IFOBC sebanyak 0.1% paling minimum RM 5.00 dan maksimum RM 100.00, surat menyurat mengikut penggunaan, duti stem dicopkan di atas sijil insuran sebanyak RM 2.00 dan lain-lain caj yang dikira perlu.

2) Pembelian kuasa beli bil tukaran wang tempatan Islam - *Islamic Domestic Bill of Exchange Purchase (Authority to Purchase)*  
(*IDEBP*)(AP)

Kemudahan perkhidmatan ini disediakan untuk memudahkan pelanggan BMMB dalam urusan kemasukan dokumen-dokumen yang diterima oleh pihak bank (asing & domestik) untuk diajukan kepada pihak pembeli mengenai proses pembayaran dan penerimaan bil pertukaran. Agen akan dilantik oleh BMMB bagi tujuan pungutan pembayaran kelak, BMMB mengenakan caj perkhidmatan<sup>141</sup> kepada pelanggan kerana mengambil alih tugas pelanggan tersebut.

Pelanggan yang inginkan perkhidmatan ini hendaklah menghantarkan surat arahan (*customer letter of instruction*) bersama dokumen eksport dan disertai juga dengan DC asal kepada bank. Dokumen eksport dan DC asal kemudiannya disemak. Sekiranya terdapat sebarang kesilapan, pelanggan diarahkan agar menandatangani suatu surat perjanjian ganti rugi yang dinamakan '*letter of indemnity*'

Jadual penutupan (*covering schedule*) disediakan bersama dengan dokumen eksport untuk diposkan kepada bank pembayar. BMMB yang bertindak sebagai bank perunding urus, akan meminta pembayaran dari bank pembayaran ganti

<sup>141</sup> BMMB akan mengenakan beberapa caj kepada pelanggan yang berurusan dengan menggunakan matawang asing, antaranya : (1) 0.1 % iaitu bayaran minimum sebanyak RM 10.00 dan maksimum sebanyak RM 100.00. Manakala komisyen eksport dalam ringgit Malaysia pula sebanyak RM 35.00 minimum dan maksimum RM 500.00. (2) duti setem,yang perlu lekatkan pada polisi insuran. (3) telex/telefon. (4) surat menyurat. Memandangkan semua urusan surat menyurat ini amat penting dan berharga, BMMB akan mengirimkan surat menyurat melalui pos berdaftar.

yang telah dilantik oleh bank pengeluar setelah tempoh itu tamat seperti yang tertera di dalam DC apabila tamat tempoh DC tersebut.

### **2.3.3.9 Pembiayaan Belian Bil Tukaran Wang Islam (*Islamic Bill Exchange Purchase Documentary*)(IBEP)(AP)**

Pembiayaan ini khas buat pengeksport / pelanggan yang ingin membiayai debit dagangan barang mereka dengan menggunakan prinsip syariah *bay' al-dayn*.<sup>142</sup> Pembiayaan ini melibatkan pengumpulan dokumen-dokumen secara kolektif. Melalui pembiayaan ini, pelanggan dapat memulihkan dan meningkatkan aliran tunai syarikat sebelum proses pembayaran dibuat oleh pembeli.

Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen perdagangan termasuklah dokumen perjalanan, kumpulan pesanan dan juga permintaan pelanggan dengan menggunakan prinsip *bay' al-dayn*. Diskaun akan diberikan oleh BMMB buat pelanggan berdasarkan kadar pasaran wang antara bank-bank Islam dan pertukaran wang asing (*Islamic interbank money market rate and foreign exchange market*), atau dengan melihat kepada margin keuntungan yang ditambah dengan nisbah asas pembiayaan.

---

<sup>142</sup> Produk-Produk Perbankan BMMB.<http://www.Muamalat.com.my/tfap.html> 23 November 2002.

### **2.3.3.10 Pembiayaan Semula Kredit Eksport Secara Islam (*Islamic Export***

#### ***Credit Refinancing Scheme)(IECR)***

Demi mengalakkan pertumbuhan industri di Malaysia, BMMB telah mengorak langkah dengan menyediakan skim pembiayaan eksport tanpa faedah untuk pengeksport (langsung dan tidak langsung).<sup>143</sup> Apabila pelanggan memohon perkhidmatan ini bank akan mengarahkan pelanggannya mengeluarkan bil pertukaran untuk dijadikan sebagai gadaian kepada bil penerimaan Islam-eksport. Bil pertukaran ini boleh diniagakan kepada bank negara Malaysia (BNM) pada kadar pembiayaan semula yang istimewa, kadar pembiayaan semula ini akan dimaklumkan oleh BNM setiap waktu sekiranya terdapat perubahan. IEGR<sup>144</sup> menggunakan prinsip syariah *al-murābahah* dan *bay' al-dayn*, ia terbahagi kepada dua iaitu :

- 1) IECR Pra penghantaran (*Pre-shipment IEGR*)<sup>145</sup>
- 2) IECR Selepas penghantaran (*Post-shipment IEGR*)

IECR Pra penghantaran merupakan suatu kebenaran kepada pengeksport (langsung & tidak langsung) untuk menyediakan barang eksport yang terpilih<sup>146</sup> bertujuan untuk penghantaran barang tersebut. IECR Pra penghantaran menggunakan prinsip syariah *al-murābahah* dan *bay' al-dayn*.

<sup>143</sup> Pengeksport langsung adalah pengeksport yang terakhir seperti pengilang atau syarikat pedagangan manakala pengeksport tidak langsung pula merujuk kepada pembekal yang membekalkan bahan mentah terus kepada pengeksport.

<sup>144</sup> <http://www.Muamalat.com.my/tfiecr.html>. 23 November 2002

<sup>145</sup> Dinamakan pra-hantaran kerana menyediakan barang sebelum dihantar untuk dicksport.

<sup>146</sup> Barang yang sah disisi syara' dan tidak melanggarinya serta mematuhi piagam bank.

Bank akan melantik pengeksport sebagai agen pembeli dalam urusan pembelian barang (barang mentah atau separuh siap) yang diperlukan dalam proses pengeluaran. Seterusnya bank akan membayar kepada pembekal berdasarkan inbois yang diterima apabila barang tersebut diserahkan. Bank akan menjual semula barang tersebut kepada pengeksport secara kredit di bawah prinsip syariah *al-murābahah*. Belian secara kredit ini pula akan dibiayai oleh bank melalui IECR selepas penghantaran (*Pre-Shipment IEGR*) di bawah prinsip *bay' al-dayn*.

Bank seterusnya menerbitkan bil pra-hantar jumlah keduanya dengan menyatakan nilai kos dan juga hasil campur margin keuntungan untuk diserahkan kepada pengeksport bil ini akan diniagakan kepada BNM pada harga inbois barang tersebut. BNM mungkin menjualkan bil tersebut semula ke dalam pasaran sekunder kepada mana-mana bank perdagangan lain mengikut harga nilai muka bil tersebut. Jumlah minimum untuk pembiayaan ini sebanyak RM 10,000.00 dan waktu yang paling maksimum bagi pembiayaan ini adalah selama empat bulan.

IECR selepas penghantaran, merupakan salah satu pembiayaan terus pengeksport terhadap barang eksport beliau yang halal di sisi syarak serta memenuhi syarat kredit yang telah ditetapkan. Pembiayaan ini menggunakan prinsip syariah *bay' al-dayn*. Pengeksport akan menghantar barang eksport kepada pengimport berserta dengan bil eksport. Pengeksport akan melantik bank sebagai agen pemungut bayaran daripada pembeli yang berada di luar negara. Mana-mana pengeksport yang memerlukan dana yang segera akan menjual bil

tersebut kepada bank. Bank akan menilai bil tersebut dengan harga yang dipersetujui bersama. Bank perdagangan pula boleh menjualkan bil tersebut kepada BNM pada nilai harga yang ditolak dari keuntungan. Setelah matang bil tersebut, BNM akan menjual semula bil tersebut kepada bank perdagangan mengikut nilai muka bil yang dijual.

Nilai minimum untuk bil eksport ini adalah RM 10,000.00 dan tarikh matang pembiayaan bagi bil eksport ini ialah paling minimum tujuh hari dan paling maksimum selama enam bulan.

#### 2.4 KESIMPULAN

Sejajar dengan perkembangan dan kemajuan system perbankan Islam dalam arus perbankan negara pada hari ini, BIMB dan BMMB telah berjaya membuka ruang kepada prinsip-prinsip syariah yang bersandarkan kepada hukum Islam untuk bernaafas serta membangun dan berkembang seiringan dengan pemikiran moden hari ini terutama dalam produk pembiayaan perdagangan Islam.

Produk pembiayaan perdagangan Islam di BIMB merangkumi surat kredit (LC), surat jaminan (LG), Pembiayaan modal pusingan di bawah kontrak *murabahah* (MWCF), bil pengsekuritan dan penerimaan Islam (IAB-Import), bil pengsekuritan dan pembiayaan eksport (IAB-Eksport), Pembiayaan semula kredit eksport Islam (IECR) dan juga lain-lain perkhidmatan yang di bawah pembiayaan perdagangan Islam. Manakala produk pembiayaan perdagangan Islam yang dianjurkan di BMMB pula merangkumi dokumen kredit (DC),

jaminan perkapalan *al-kafalah* (ISG), bil penerimaan Islam (IAB), pembiayaan modal kerja *murabahah* (MWCF), bil dalaman tanpa *ribā* untuk pengambilan dokumen (IFIBC), bil kutipan keluar tanpa *ribā* (IDOBC), pembiayaan kuasa beli bil tukaran wang Islam (IBEP) (AP), pembiayaan belian bil tukaran wang asing Islam (IBEP) (DOC), dan juga pembiayaan semula kredit eksport secara Islam (IECR).